PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI SELASA : 08 APRIL 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 7 HINGGA 67)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 6

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

Soalan No : 7

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]

TARIKH : 8.4.2014

SOALAN :

Y.B. Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebab-sebabnya sesetengah sekolah menghadapi masalah memohon projek-projek penyelenggaraan kecil dan bekalan meja kerusi daripada PPD sehingga PIBG sekolah kena membuat permohonan daripada wakil rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sememangnya prihatin terhadap keperluan penyelenggaraan dan bekalan perabot di sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan daripada KPM bagi keperluan kerja-kerja penyelenggaraan, membaik pulih bangunan dan kerja tanah untuk sekolah seluruh negara pada tahun 2014 berjumlah RM1.7 billion.

Namun peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan kepada KPM hanya sebanyak RM180.54 juta iaitu hanya 10.62 % daripada jumlah keperluan sebenar. Oleh yang demikian, permohonan penyelenggaraan daripada sekolah-sekolah diputuskan berdasarkan kepada kemampuan kewangan yang ada serta tahap kerosakan yang berlaku memandangkan

sekolah-sekolah yang berada dalam senarai untuk diselenggarakan adalah terlalu banyak.

Bagi bekalan perabot pula, semua permohonan berkenaan maklumat keperluan kerusi dan meja di sekolah diselaraskan di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri sebelum dikemukakan kepada Kementerian. Agihan adalah berdasarkan keutamaan/kritikal dan tertakluk kepada jumlah siling peruntukan yang disediakan pada tahun semasa.

Rjm

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**
[KOTA BHARU - PAS]

TARIKH : **8 APRIL 2014 (SELASA)**

SOALAN (NO. 8)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah kos pembiayaan dan peratus pembiayaan dan peratus pencapaian atlit-atlit negara yang bertanding di Temasya Sukan SEA Myanmar tahun 2013 yang lalu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan pembiayaan penyertaan kontinjen negara bagi menghadapi Temasya Sukan SEA 2013 di Myanmar kali ini adalah sebanyak **RM 23.5 juta** dimana kos-kos ini melibatkan kos perbelanjaan penyediaan atlet bagi sukan-sukan yang bertanding iaitu sebanyak **RM 20.08 juta** dan kos perbelanjaan penyertaan kontinjen ke Myanmar sebanyak **RM 3.42 juta** yang meliputi tiket kapal terbang, penginapan dan kem latihan akhir kontinjen.

2. Kontinjen negara berjaya memperolehi pungutan pingat sebanyak 43 pingat Emas, 38 pingat Perak dan 77 pingat Gangsa daripada jumlah keseluruhan pingat yang ditawarkan iaitu sebanyak 461 pingat Emas, 459 pingat Perak dan 611 pingat Gangsa.

   i. Daripada jumlah 43 pingat Emas yang diperolehi, atlet-atlet dari sukan **Akuatik** menjadi penyumbang pingat Emas terbesar iaitu sebanyak 12 pingat Emas (27.91 %) diikuti sukan **Karate** dengan 7 pingat Emas (16.28 %). Seterusnya, sukan **Olahraga** memperolehi 4 pingat Emas (9.30 %) manakala sukan **Wushu** dan **Ekuestrian** memungut 3 pingat Emas (6.97 %). Bagi sukan **Hoki, Memanah, Muay, Pencak Silat** dan **Pelayaran** masing-masing mendapat 2 pingat Emas (4.65 %) manakala sukan **Badminton, Snuker Billiards, Bina Badan dan Menembak**, kesemuanya memperolehi 1 pingat Emas (2.33 %).

ii. Secara keseluruhannya, sebanyak 14 jenis sukan (42.4 %) daripada 33 jenis sukan yang layak bertanding di temasya kali ini berjaya memperolehi pingat Emas yang dipertandingkan dan seterusnya melepasi sasaran asal 40 pingat Emas yang telah ditetapkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HJ. ABDUL RAHMAN BIN HJ. MOHAMAD [LIPIS]**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014 (SELASA)**
SOALAN	:	**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan prospek industri herba dan bentuk galakan serta insentif yang diberikan oleh Kementerian dalam menjadikan Malaysia sebagai hub herba di peringkat serantau dan antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Industri herba telah dikenal pasti sebagai satu industri yang berpotensi sebagai sumber pertumbuhan baru bagi memperluaskan asas pertumbuhan sektor pertanian. Prospek industri herba adalah menggalakkan berikutan usaha Kerajaan meletakkan industri herba sebagai salah satu program di bawah NKEA Pertanian iaitu Projek Keutamaan Permulaan (EPP) 1: Produk Herba Bernilai Tinggi bagi memperkasakan kualiti produk dan pemasaran untuk menembusi pasaran global serta menjana pendapatan negara sebanyak RM2.2 billion menjelang tahun 2020. Inisiatif bagi mempergiatkan promosi dan pemasaran produk berasaskan herba tempatan ke luar negara juga dilaksanakan. Arah aliran permintaan dunia bagi hasilan produk berasaskan bahan semula jadi (*natural products*) atau yang berasas herba (*herbs based*) telah menunjukkan tren yang meningkat sebagai perubatan komplementari dan alternatif bagi meningkatkan kualiti hidup dan pilihan pengguna membuat peralihan daripada perubatan moden.

Di peringkat huluan, aktiviti penanaman dalam negara telah meningkat dengan hasil jualan bahan mentah ladang kontrak melebihi RM2 juta di bawah *program herbal cluster* yang bermula pada tahun 2011. Jenis herba yang diberi keutamaan adalah Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Dukong Anak , Misai Kucing, Hempedu Bumi dan lima lagi herba herba yang berpotensi dalam NKEA iaitu roselle, mas cotek, mengkudu, pegaga, halia dan belalai gajah. Galakan dan insentif yang diberikan oleh Kerajaan merangkumi aktiviti-aktiviti di peringkat huluan serta hiliran seperti berikut:

Peringkat huluan

i. Geran di bawah Program *Herbal Cluster* untuk usahawan tani bagi perlaksanaaan pembangunan Kawasan Penanaman Herba Secara "Insitu" di kalangan usahawan herba/rempah ratus berasaskan kawasan kluster herba yang dikenal pasti bagi memenuhi keperluan dan permintaan semasa bahan mentah yang berkualiti dan konsisten khusus bagi syarikat peneraju dan industri herba.

ii. Geran kepada ECERDC untuk pembangunan *Herbal Cultivation Park* di Chegar Perah, Lipis, dan Pasir Raja, Dungun, serta di Durian Mentangau juga bertujuan untuk memastikan keperluan bahan mentah yang mampan.

iii. Geran untuk pembangunan monograf herba tempatan yang mendokumentasikan maklumat kualiti bahan mentah herba tempatan *(raw material)* merangkumi aspek-aspek taksonomi termasuk morfologi makro dan mikro, kajian kualiti, kandungan kimia (termasuk penanda kimia), nilaian perubatan dan keselamatan pokok herba tersebut.

iv. Geran untuk meningkatkan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) herba. Pembiayaan geran R&D diberikan kepada institusi dan diselaraskan bagi mengelak pertindihan.

Peringkat hiliran

v. Geran untuk kajian praklinikal dan klinikal kepada syarikat peneraju yang dilantik bagi meningkatkan kandungan saintifik ke atas produk serta untuk mematuhi keperluan piawaian antarabangsa.

NO SOALAN :10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI (DUNGUN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**08.04.2014**

Y.B. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan asas dan rasional kadar premium insuran kenderaan yang bermula 15 hb Februari 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyelarasan premium insurans motor pada 15 Februari 2014 merupakan penyelarasan kali ketiga di bawah Rangka Kerja Tarif Motor yang baharu diluluskan oleh Kerajaan pada tahun 2011 untuk menangani isu kesulitan pihak awam untuk mendapatkan perlindungan insurans motor pada masa

tersebut. Sebelum ini, premium insurans motor pernah diselaraskan pada Januari 2012 dan Februari 2013.

2. Sebelum tahun 2012, premium insurans motor yang ditetapkan di dalam Tarif Motor tidak pernah dikaji semula sejak lebih daripada 30 tahun. Ini menyebabkan premium yang dikutip oleh penanggung insurans tidak sejajar dengan pampasan yang dibayar berkaitan dengan peningkatan dalam kos tuntutan akibat kenaikan jumlah kes kemalangan, kos perubatan, kos alat ganti kenderaan dan lain-lain lagi. Pada tahun 2012, bagi setiap RM1.00 premium insurans motor yang dikutip oleh penanggung insurans, sebanyak RM2.70 telah dibayar keluar sebagai pampasan bagi kematian dan kecederaan pihak ketiga sahaja. Ini belum mengambil kira lain-lain kos yang ditanggung.

3. Jika premium insurans ditetapkan pada tahap yang terlalu rendah, penanggung insurans tidak akan mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar tuntutan. Berhadapan dengan keadaan sebegini, sesetengah penanggung insurans mengambil keputusan untuk lebih berhati-hati dalam menawarkan polisi Pihak Ketiga. Secara tidak langsung, ia menyebabkan kesulitan kepada orang awam untuk mendapatkan perlindungan insurans motor. Untuk

menangani isu ini, Rangka Kerja Tarif Motor yang baharu telah diperkenalkan bertujuan untuk:

i. Melaraskan kadar premium pada jumlah yang kecil dan secara berperingkat selama empat tahun dari tahun 2012 sehingga 2015; dan
ii. Memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mempercekapkan proses tuntutan insurans motor dan mengekang peningkatan dalam kos tuntutan.

4. Sebagai contoh, bagi perlindungan pihak ketiga, seseorang pemilik motosikal 110cc dikenakan premium tambahan yang sangat kecil di antara RM1.00 dan RM3.50 setahun (maksimum 30 sen sebulan). Bagi pemilik kenderaan persendiriran 1400cc, premium tambahan adalah di antara RM6 hingga RM34 setahun (maksimum RM2.80 sebulan).

5. Orang ramai yang menghadapi sebarang masalah atau pertanyaan berhubung dengan insurans motor boleh menghubungi Bank Negara Malaysia untuk tindakan lanjut seperti yang berikut:

Alamat : Pusat Hubungan Bersepadu
Bank Negara Malaysia
Tingkat 14, Blok B
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

No. telefon : 1-300-88-5465

Emel : bnmtelelink@bnm.gov.my

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [LIMBANG]**
TARIKH	:	**08.04.2014 (SELASA)**
NO. SOALAN	:	**11**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kementerian akan membina mini hidro untuk Rumah Lawai, Selidong di pedalaman Parlimen Limbang sebagaimana yang telah dijanjikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian mendapat maklumat daripada Sarawak Energy Berhad bahawa penyambungan bekalan elektrik ke Rumah Lawai, Selidong di Pedalaman Limbang boleh dibuat menggunakan talian grid. Bagaimanapun, projek berkenaan tidak dapat dilaksanakan pada masa kini kerana ketiadaan jalan masuk yang sempurna ke rumah panjang berkenaan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, semua pemasangan talian elektrik melalui jalan yang sesuai bagi memastikan kerja-kerja penyenggaraan talian dapat dibuat dengan sempurna.

Sehubungan itu, Kementerian akan menyambung bekalan elektrik ke Rumah Lawai, Selidong apabila jalan masuk ke rumah panjang berkenaan sempurna.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG**
		[LANANG]
TARIKH	:	**8 APRIL 2014**
SOALAN	:	

YB Puan Alice Lau kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

(a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi setiap Klinik 1Malaysia di Sibu dan di Sarawak berbanding dengan Klinik 1Malaysia di Semenanjung Malaysia; dan

(b) Adakah para doktor, ahli farmasi, jururawat dan kakitangan mencukupi memandangkan semakin banyak Klinik 1Malaysia dibina. Jika tidak, bagaimanakah cara untuk mengatasi kekurangan kakitangan di hospital, poliklinik dan Klinik 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua

Semenjak penubuhan Klinik 1Malaysia (K1M) dari Januari 2010 sehingga 31 Disember 2014, 254 buah Klinik 1Malaysia sedang beroperasi di seluruh negara. Untuk negeri Sabah, 29 buah Klinik 1Malaysia telah dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Antara kriteria penubuhan Klinik 1Malaysia adalah:

(i) Di kawasan bandar dan kawasan pinggir bandar dengan kepadatan penduduk yang tinggi;

(ii) Kawasan di mana penduduk dari golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah dan sederhana;

(iii) Mengambil kira pandangan Ketua Masyarakat;

(iv) Untuk tahun 2014, K1M juga telah diperluaskan di kawasan luar bandar yang jauh dari kemudahan kesihatan statik sedia ada.

Purata peruntukan yang diperlukan untuk pembangunan sesebuah K1M adalah sebanyak RM250,000. Peruntukan ini meliputi pembiayaan untuk ubahsuai, pembelian peralatan perubatan dan bukan perubatan. Sementara purata peruntukan operasi tahunan untuk sebuah K1M adalah sebanyak RM250,000.

Tuan Yang Di-Pertua

KKM telah membina 25 buah K1M di negeri Sarawak dan 5 daripadanya terletak di Bahagian Sibu. Pada keseluruhannya, kos untuk membangunkan dan mengoperasikan K1M tidak jauh berbeza di seluruh negara.

Dari segi keperluan sumber manusia pula, keperluan kepada anggota kesihatan bertambah dengan bertambahnya K1M dan memandangkan K1M adalah salah satu keutamaan Kementerian, maka agihan perjawatan dan pengisian juga telah diutamakan. Kekurangan kakitangan di hospital dan klinik dapat ditampung dengan cara agihan semula (*re deploy*) kakitangan kepada fasiliti kesihatan yang lebih memerlukan dan semakan terhadap keperluan anggota sentiasa disemak dari semasa ke semasa.

SOALAN NO.: 13

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH**
KAWASAN	:	**PUTATAN**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014, SELASA**

SOALAN:

YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH (PUTATAN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengapa cadangan pembinaan jejantas berhadapan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Hwa Shiong Putatan - Jalan Putatan (bagi kegunaan murid-murid sekolah serta orang awam) masih belum dibina.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 2 jejantas pejalan kaki yang akan dibina menerusi skop projek Menaiktaraf Jalan dari Sg Petagas menghala ke Lok Kawi Fasa 1A yang kini sedang dalam pembinaan. Jejantas-jejantas tersebut terletak berhampiran Taman Jumbo dan Pasar Tamu yang berhadapan dengan SJK (C), Hwa Shiong Putatan. Selain dari itu, jalan susur ke kawasan SJK (C) Hwa Shiong juga akan dinaiktaraf bagi melancarkan pergerakan kenderaan ke kawasan sekolah berkenaan termasuk penyediaan laluan pejalan kaki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan kedua-dua jejantas ini dijangka akan dimulakan pada bulan Mei 2014 dan siap dalam tempoh 6 bulan kemudian.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]**
TARIKH	:	**8.4.2014**
SOALAN	:	

Y.B. Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) sama ada benar atau tidak bahawa tertera di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) satu panduan yang menyebut bahawa waktu bekerja guru ialah selama 10 jam sehari; dan

(b) sekiranya para guru dikehendaki bekerja lebih dari 10 jam sehari adakah itu merupakan waktu yang patut dibayar gaji lebih masa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tidak mengeluarkan sebarang panduan menetapkan waktu bekerja guru selama 10 jam sehari. PPPM hanya menjelaskan bahawa berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian, jumlah masa yang digunakan di bilik darjah (tidak termasuk masa untuk penyediaan pengajaran) secara purata adalah antara 2.4 hingga 2.9 jam sehari.

b) Berdasarkan Perintah Am Bab G, pegawai yang layak mendapat Bayaran Lebih Masa adalah mereka yang terdiri daripada kumpulan sokongan dan dipanjangkan juga kepada kumpulan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma (PPPLD) yang melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan pentadbiran serta menikmati cuti rehat tahunan.

Corak kerja lebih masa adalah meliputi semua jenis tugas seperti perkhidmatan kaunter, pemprosesan, penyeliaan dan pengawasan tertakluk kepada arahan Ketua Jabatan dan syarat kerja seperti berikut:

i. kerja kecemasan;
ii. kerja mustahak dan tidak boleh ditangguhkan;
iii. kerja melebihi daripada bidang tugas biasanya; dan
iv. kerja-kerja yang perlu diuruskan dalam jangka masa terhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang mengajar tidak layak menerima Bayaran Lebih Masa kerana tempoh waktu bekerja tidak mengikut waktu pejabat, seperti yang termaktub dalam Perintah Am tersebut.

Rjm

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA : DATUK AHMAD JAZLAN YAAKUB
[MACHANG]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN : 15

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub[Machang]minta**MENTERI PENGANGKUTAN**menyatakan:

(a) apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kes jenayah yang melibatkan kenderaan curi atau kenderaan yang menggunakan nombor plat palsu; dan

(b) apakah perancangan Kementerian untuk memperkenalkan standard nombor plat kenderaan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang dapat mengurangkan insiden kes jenayah melibatkan pemalsuan nombor pendaftaran.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan telah menguatkuasakan peraturan *United Nations Economic Commission for Europe* (UNECE) R97 dan R116 sebagai langkah untuk menangani kes jenayah yang melibatkan kecurian kenderaan. Melalui peraturan-peraturan ini, semua kenderaan model baharu kategori M1 iaitu kenderaan yang boleh membawa tidak lebih dari 8 penumpang, yang dikeluarkan selepas 7 April 2010 diwajibkan memasang alat Sistem Amaran Kenderaan (*Vehicle Alarm System*) dan alat Pencegahan Dari Penggunaan Yang Tidak Dibenarkan (PDPYTD) atau *immobiliser*. Penguatkuasaan pemasangan alat PDPYTDjuga turut diperluaskan kepada semua kenderaan model baru kategori N1 iaitu kenderaan yang digunakan untuk membawa barang-barang dan mempunyai berat maksimum tidak melebihi 3.5 tan, bermula 1 Januari 2012.

Selain daripada penguatkuasaan peraturan UNECE, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengambil beberapa inisiatif lain bagi membantu pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) membanteras jenayah kecurian kenderaan. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

(i) membekalkan maklumat kenderaan jika diperlukan oleh PDRM;

(ii) membuat sekatan transaksi terhadap kenderaan-kenderaan curi berdasarkan maklumat dan permohonan daripada pihak PDRM;

(iii) menjalankan operasi penguatkuasaan melalui sekatan jalan raya bagi mengesan kenderaan-kenderaancuri. Kenderaan-kenderaan curi akan ditahan/disita dankemudiaannya diserahkan kepada pihak PDRM untuk tindakan selanjutnya.

JPJ juga menetapkan salah satu daripada tugas rutin harian anggota penguatkuasa iaitu pemeriksaan nombor pendaftaran kenderaan.Untuk sepanjang tahun 2013, sebanyak 214 kes pemalsuan nombor pendaftaran kenderaan telah dikesan di seluruh negara.

Tuan Yang Dipertua,

Standard bagi nombor plat kenderaan adalah terkandung dalam Jadual Ketiga dan Jadual Ketujuh, Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran & Pelesenan) 1959. Jadual tersebut menetapkan spesifikasi saiz, susunan huruf & angka, jarak susunan dan reka bentuk nombor pendaftaran bagi sesebuah kenderaan motor.

Kesalahan pemalsuan nombor pendaftaran merupakan kesalahan yang tidak boleh dikompaun di mana kadar denda minimum ditetapkan pada kadar RM5,000 dan denda maksimum sebanyak RM20,000. Tempoh hukuman penjara pula tidak kurang 1 tahun dan tidak melebihi 5 tahun.

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah keseluruhan yang dibayar oleh Kementerian bagi kecuaian doktor dalam perkhidmatan Kerajaan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah keseluruhan yang dibayar oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi kecuaian doktor dalam perkhidmatan Kerajaan meliputi kes-kes yang dibawa ke mahkamah dan juga yang dibincangkan di peringkat KKM dan diberikan tawaran *ex gratia* adalah seperti berikut:

Bagi tahun 2003 hingga tahun 2013, jumlah bayaran bagi kes saman kecuaian rawatan perubatan di mahkamah adalah sebanyak RM42,371,381.98. Sementara jumlah bayaran tawaran *ex gratia*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bermula pada tahun 2006 bagi kes berpotensi mediko legal adalah sebanyak RM17,636,804.91. Jumlah bayaran bagi kedua-duanya adalah RM60,008,186.89.

NO. SOALAN : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang supaya Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 perlu dipinda dengan tujuan memelihara amalan demokrasi yang lebih sihat, berintegriti dan melindungi keselamatan awam.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya adalah berfungsi untuk memelihara, menyelia dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini melalui pilihan raya yang bebas dan adil. Adalah menjadi tanggungjawab SPR bagi memastikan rakyat dapat memilih wakil-wakil mereka melalui undian dalam setiap pilihan raya. Dalam menjalankan pilihan raya, SPR berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 di semua negeri di seluruh negara

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang Pilihan Raya yang sedia ada, sudah mencukupi untuk memelihara amalan demokrasi yang lebih sihat, berintegriti dan melindungi keselamatan awam. Umpamanya, Perkara 118 yang telah wujud semenjak Perlembagaan Persekutuan digubal, membenarkan pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR untuk mengemukakan petisyen pilihan raya kepada mana-mana Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya diwartakan. Bagaimanapun, apabila sesuatu petisyen dikemukakan dan diterima di mahkamah, menjadi hak mahkamah untuk menentukan status kes petisyen itu.

Hal yang sama jika ada mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi, mereka boleh mengemukakan rayuan di Mahkamah Persekutuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dibuat. Seksyen 35A, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) pula menetapkan masa tidak lewat daripada 6 bulan dari tarikh petisyen pilihan raya itu dikemukakan untuk menyelesaikan perbicaraan. Satu tempoh masa yang cukup adil untuk semua pihak.

Ini jelas membuktikan betapa proses demokrasi berlaku dengan subur dan sihat dalam sistem pilihan raya di negara kita, yang mana, pemetisyen diberi ruang dan peluang untuk menyuarakan dan menggunakan hak mereka yang dibenarkan oleh Undang-undang sekiranya berlaku pertikaian mengenai penjalanan pilihan raya.

Walau bagaimanapun SPR sentiasa mengkaji penambahbaikan untuk dilaksanakan pada masa hadapan bagi memelihara amalan demokrasi yang lebih sihat, berintegriti dan melindungi keselamatan awam.

Sekian. Terima kasih.

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB. Tuan Wong Ling Biu
[SARIKEI]

TARIKH : 08.04.2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 18

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jenis-jenis projek telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Sarikei dalam masa 5 tahun yang lepas dan 5 tahun yang akan datang. Berapakah jumlah perbelanjaan telah diperuntukkan dalam projek-projek tersebut dalam masa 5 tahun yang lepas di kawasan Parlimen Sarikei.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebanyak 12 buah projek telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Sarikei dengan jumlah peruntukan RM17.25 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 iaitu dari tahun 2006 sehingga 2010. Jenis-jenis projek yang telah dilaksanakan merangkumi pembinaan pusat latihan/Institut Kemahiran Belia, pembinaan tadika dan pembinaan infrastruktur jalan raya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, dari tahun 2011 sehingga 2014, sebanyak 9 buah projek telah dilaksanakan di kawasan Parlimen Sarikei dengan jumlah peruntukan RM 189.95 juta. Jenis-jenis projek yang telah dilaksanakan merangkumi pembelian kelengkapan Giatmara Sarikei, pembinaan infrastruktur jalan serta projek Bekalan Air Luar Bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedang membuat persediaan dan penyelarasan perancangan program/ projek bagi tempoh 5 tahun akan datang di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB. Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [MUKAH]**
TARIKH	:	**08.04.2014 (SELASA)**
NO. SOALAN	:	**19**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapa keluasan Ladang Sawit di kawasan Bahagian Mukah dan apakah rancangan masa depan untuk memperluaskan lagi di Bahagian Mukah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Hanya FELCRA Berhad sebagai Agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) yang mengusahakan tanaman kelapa sawit di Bahagian Mukah seluas **12,365 hektar**. Daripada keluasan tersebut, seluas 6,326 hektar di bawah Parlimen Mukah dan 6,039 hektar di bawah Parlimen Igan.

Bagi pembangunan masa hadapan, FELCRA Berhad bersedia untuk meneruskan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk membuka dan membangunkan lagi perladangan kelapa sawit dengan lebih meluas di negeri Sarawak.

SOALAN (20)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	8 APRIL 2014 (SELASA)
DARIPADA	:	Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]

SOALAN :-

Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang lebih menyeluruh dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal negara yang kritikal sekarang ini, merangkumi amalan rakyat dan proses pengurusannya.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **pada tahun 2005** JICA telah mengunjurkan sisa pepejal yang dijana di Malaysia dijangka sebanyak 30,000 tan sehari menjelang tahun 2020. Hakikatnya pada tahun 2012, **jumlah sisa pepejal** yang dihasilkan adalah sebanyak 33,000 tan sehari iaitu tujuh (7) tahun lebih awal dari amaun yang diunjurkan. Bagi menangani cabaran ini, pengurusan sisa pepejal dirancang lebih komprehensif, bersepadu dan mampan.

Di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah menggiatkan lagi program kitar semula seperti berikut:-

(i) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Modul Latihan Kelab Kitar Semula yang telah diguna pakai di sekolah rendah dan menengah seluruh

Semenanjung. Sehingga Disember 2013, sebanyak 100 buah sekolah di Semenanjung telah menubuhkan Kelab Kitar Semula dan pada tahun 2014 PPSPPA mensasarkan sebanyak 4,000 buah sekolah lagi akan menubuhkan Kelab Kitar Semula.

(ii) Majlis Pelancaran Pertandingan Kitar Semula Sekolah Sekolah Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 13 Februari 2014. Majlis tersebut adalah bertujuan sebagai pemangkin dalam usaha untuk memperbanyak sekolah menubuhkan kelab kitar semula.

(iii) Penglibatan komuniti adalah dilihat sebagai salah satu agen untuk mencapai matlamat ke arah pengurusan sisa pepejal yang mampan. Mulai 2011 sehingga 2013 terdapat peningkatan dalam penglibatan komuniti dalam aktiviti program bank kitar semula dan pengkomposan seperti berikut:

Tahun	Bank Kitar Semula di Institusi/ pusat komersial	Pengkomposan Di Komuniti
2011	1	Belum dilaksanakan
2012	54	9
2013	64	18
Jumlah	119	27

(iv) Kaedah kutipan sisa pepejal isirumah 2 + 1 diperkenalkan bagi membolehkan barangan kitar semula dikutip satu kali seminggu, berasingan daripada sisa organik yang dikutip dua kali seminggu. Menjelang September 2015 pelaksanaan pengasingan sisa dipunca secara mandatori akan dikuatkuasakan ke semua negeri yang menerimapakai Akta 672.

(v) Disamping program 3R yang dilaksanakan, Kementerian turut memberi tumpuan khusus ke atas kaedah rawatan dan pelupusan. Dalam hal ini, sistem rawatan sisa pepejal seperti loji pemprosesan

waste to energy (wte) dan loji *anaerobic digester* (AD) turut diperkenalkan bagi mengurangkan kebergantungan ke atas tapak pelupusan sisa pepejal di samping dapat menjana tenaga boleh baharu dan kompos.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SRI DR. JAMALUDDIN BIN MOHD JARJIS [ROMPIN]**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014 (SELASA)**
SOALAN	:	**21**

Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis [Rompin] minta **MENTERI PENGANGKUTAN**menyatakan kedudukan terkini rancangan pembangunan Lapangan Terbang Pulau Tioman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Rompin, Kementerian Pengangkutan telah memohon peruntukan siling untuk menaiktaraf Lapangan Terbang Pulau Tioman di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10). Namun begitu, permohonan tersebut tidak dapat diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) memandangkan terdapat kekangan peruntukan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengemukakan permohonan siling untuk cadangan penaiktarafan Lapangan Terbang Tioman dalam *Rolling Plan*yang akan datang.

NO. SOALAN: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah PETRONAS bercadang mempergiat Vendor Development Programme (VDP) untuk melatih dan melahirkan vendor Bumiputera yang berdaya saing serta dapat mengurangkan pergantungan ke atas barangan import.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pembangunan Usahawan (VDP) telah dilaksanakan mulai 1994. Objektif utama program ini adalah untuk mewujudkan usahawan Bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya saing dalam sektor pembuatan serta perkhidmatan teknikal di bidang teknologi sederhana dan tinggi yang berkaitan dengan minyak dan gas.

Sehingga kini, 79 syarikat Bumiputera telah mengikuti program tersebut. Sebanyak 58 syarikat telah digraduasikan dan kebanyakan syarikat-syarikat tersebut masih aktif membekalkan perkhidmatan kepada PETRONAS malah beberapa syarikat seperti Serba Dinamik Sdn Bhd, Tekno Logam Sdn Bhd, Salutary Avenue Manufacturing Services Sdn Bhd serta 15 lagi syarikat telah mengembangkan aktiviti mereka ke peringkat antarabangsa. Pada masa ini, masih terdapat 11 syarikat di bawah program VDP, termasuk 3 lantikan baru dalam tahun 2013. Sejak penubuhan VDP, nilai kontrak sebanyak RM7.6 bilion telah dianugerahkan kepada usahawan di bawah program VDP.

Di antara kejayaan Vendor Development Program tersebut ialah:

- 54% daripada usahawan vendor tersebut merupakan perintis di dalam bidang yang diceburi, menggantikan produk atau perkhidmatan yang sebelumnya dikuasai syarikat/jenama asing;

- 98% dari usahawan yang telah dibangunkan masih aktif di dalam industri dan telah berjaya meluaskan produk dan pasarannya; dan

- 18 vendor telah berjaya ke peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Program terkini pula memberikan fokus kepada bidang kerja yang berasaskan import supaya ianya boleh diambil alih dan dikendalikan oleh syarikat-syarikat bumiputera.

Selain VDP, PETRONAS juga melaksanakan agenda pemerkasaan ekonomi Bumiputera melalui program-program strategik yang melangkaui bidang keusahawanan termasuk penghasilan modal insan dalam bidang minyak dan gas. Dalam tahun 2012, sebanyak 4,286 syarikat tempatan dan 160 syarikat asing telah berurusan dengan PETRONAS dalam pembekalan produk dan perkhidmatan dengan jumlah nilai kontrak melebihi RM70 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM52.4 bilion ataupun 75% telah dianugerahkan kepada syarikat yang mempunyai majoriti Bumiputera.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6604

SOALAN:

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah terdapat usaha oleh pihak Kementerian khususnya Unit Khas Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara di dalam memperbaiki sistem permohonan kad pengenalan agar penduduk di pedalaman Baram dimaklumkan mengenai status permohonan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah meningkatkan sistem penyampaiannya kepada penduduk pendalaman di negeri Sarawak dengan pengwujudan Unit Khas Bergerak (UKB) pada tahun 2004. Pada tahun 2009, dua (2) unit pasukan UKB telah ditempatkan di daerah Miri yang memberikan perkhidmatan kepada penduduk pedalaman di sekitarnya termasuk penduduk di kawasan Baram.

Bagi permohonan kad pengenalan yang diterima melalui UKB, JPN sentiasa mempermudahkan urusan permohonan dengan membantu pemohon untuk mengisi borang permohonan, menyediakan perkhidmatan fotostat dokumen sokongan, mengambil foto secara percuma dan mengecualikan bayaran fi kepada pemohon yang tidak berkemampuan.

Seterusnya, permohonan kad pengenalan yang telah lengkap akan diterima dan diproses berdasarkan kepada kelayakan pemohon. Dalam hal ini, keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon melalui kaedah-kaedah berikut:

i. **surat keputusan permohonan dihantar kepada pemohon dengan kerjasama Pejabat Residen dan Daerah melalui pemimpin masyarakat yang terlibat;**

ii. **melalui operasi UKB seterusnya yang diadakan di kawasan berkenaan;**

iii. **melalui operasi UKB dengan tujuan penyerahan dokumen kepada pemohon; dan**

iv. **menghantar kad pengenalan siap ke pejabat JPN yang berdekatan dengan tempat tinggal pemohon.**

Sehingga kini, perkhidmatan UKB telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pemohon dan berjaya membantu penduduk di kawasan pendalaman mendapatkan dokumen pengenalan diri. Perkhidmatan ini juga dapat mengatasi masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri di kalangan penduduk negeri Sarawak.

NO. SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**8 APRIL 2014 (SELASA)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan berapakah kos diperlukan untuk menaik taraf semua loji pembetungan dalam negara dengan berikan pecahan mengikut negeri sejak 2004. Berikan tapak spesifik di Pulau Pinang. Bilakah ia akan dilaksanakan dan mengapa IWK tidak diwajibkan untuk menaik taraf loji berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan sebanyak RM7.63 bilion bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan bagi meningkatkan infrastruktur pembetungan di seluruh negara. Selain Kuala Lumpur dan Selangor, Pulau Pinang adalah di antara penerima terbesar bagi pembangunan sistem pembetungan bernilai hampir RM1.12 bilion bagi tempoh 2001 hingga 2013. Perbelanjaan ini melibatkan pembinaan sebanyak 7 buah projek di bawah program pembinaan loji rawatan kumbahan bersaiz besar dan rangkaian pembetungan. Selain itu, sebanyak 11 pakej kerja bagi program membaik pulih sistem pembetungan sedia ada telah dilaksanakan di Pulau Pinang bagi tempoh tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

2. Semenjak diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan pada 23 Jun 2000, tanggungjawab IWK dihadkan kepada kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan sistem pembetungan awam

dan pungutan caj sahaja. Pelaksanaan semua projek kapital dan kerja-kerja baik pulih sistem pembetungan telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetungan, di bawah Kementerian saya.

****

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pandangan Kementerian mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM) dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (MKPW) untuk menubuhkan koperasi Pusat Asuhan Kanak-Kanak di kawasan kejiranan penduduk dalam menangani isu pengasuhan kanak-kanak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengalu-alukan sebarang cadangan yang dikemukakan oleh Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM) dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (MKPW) atau mana-mana pihak yang lain untuk menubuhkan Koperasi Taman Asuhan Kanak-Kanak di kawasan kejiranan penduduk.

Dalam hal ini, KPWKM bersedia membantu Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (MKKM) dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (MKPW) untuk mendapatkan khidmat nasihat serta sebarang bentuk insentif dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

NO SOALAN : 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT)
TARIKH	:	08.04.2014 (SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada tuntutan pindah terakhir warga tentera dari Sabah dan Sarawak akan terus dibayar meskipun peruntukan tahun semasa tidak mencukupi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tuntutan pindah terakhir warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Sabah dan Sarawak telah diperuntukkan seperti yang dirancangkan bagi tahun semasa dan akan tetap dibayar bersesuaian dengan peruntukan dan peraturan sedia ada.

SOALAN NO.: 27

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**
KAWASAN	:	**LENGGONG**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014, SELASA**

SOALAN:

YB. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH (LENGGONG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:-

(a) langkah Kementerian untuk jangka masa panjang menangani isu Tol; dan

(b) apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menaik taraf semua jalan persekutuan seluruh negara sebagai alternatif kepada penggunaan lebuh raya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun memulakan perbincangan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya dalam menangani isu tol. Pada masa kini, Kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi sedang mengenalpasti kaedah-kaedah penyelesaian terbaik di mana akan memberi situasi *'win-win'* kepada Kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pengguna. Sebarang pindaan terhadap perjanjian konsesi adalah tertakluk kepada persetujuan bersama syarikat konsesi serta pemberi pinjaman dan pelabur.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan jangka panjang untuk menaik taraf Jalan Persekutuan Utama di negara ini, iaitu daripada *single-carriageway* kepada *dual-carriageway*, atau meningkatkan piawaian reka bentuk jalan tersebut kepada tahap piawaian JKR R4/R5.

Ini termasuklah jalan-jalan utama yang menghubungkan kawasan utara, selatan dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dalam setiap Rancangan 5 Tahun Kerajaan, iaitu mulai dari RMKe-9 hingga RMKe-12 dan tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhan. Ini kerana cadangan projek berkenaan melibatkan jarak kilometer yang panjang dan kos yang sangat tinggi.

Manakala untuk Sabah dan Sarawak, keutamaan diberikan kepada projek menaiktaraf Jalan Pan Borneo sedia ada kepada laluan *dual-carriageway* yang dijangka siap pada tahun 2025 tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 28

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN:

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pindaan kepada *Law Reform (Marriage and Divorce)* Act 1976, *Administration of Islamic Law (Federal Territories)* Act 1993 and *Islamic Family Law (Federal Territories)* Act 1984 yang dicadangkan dalam tahun 2009 untuk dipinda bagi menyelesaikan masalah yang timbul apabila seorang daripada sepasang suami isteri bukan Islam memeluk Agama Islam akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2009 Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam

(Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] bagi menyelesaikan masalah yang timbul apabila seorang daripada sepasang suami isteri bukan Islam memeluk agama Islam.

Memandangkan ketiga-tiga rang undang-undang ini melibatkan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri serta menyentuh kepentingan masyarakat beragama Islam dan bukan Islam, **Kerajaan akan membuat cadangan pindaan secara berperingkat dengan membuat pindaan kepada Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]** bagi menyelesaikan status perkahwinan sivil pasangan tersebut terlebih dahulu. Kerajaan akan membentangkan cadangan pindaan kepada undang-undang tersebut di Parlimen setelah mendapat persetujuan daripada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri dan perkenan Majlis Raja-Raja.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]**
TARIKH	:	**08.04.2014 (SELASA)**

DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mengenai pemantauan terhadap harga barangan memandangkan masih ada rungutan mengenai kenaikan harga barangan oleh pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat memandang serius isu berkaitan kenaikan harga barangan keperluan kerana ianya memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat terutama rakyat berpendapatan rendah. Pemantauan harga barang keperluan rakyat merupakan salah satu inisiatif Kerajaan bagi mengesan pergerakkan harga barangan yang dijual supaya ianya tidak membebankan rakyat. Walaubagaimanapun, harga barangan yang dijual di dalam pasaran tempatan ditentukan oleh pelbagai faktor terutamanya ialah faktor penawaran dan permintaan di dalam negara. Bagi mengekang peniaga menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya, Kerajaan telah dan akan terus melaksanakan beberapa program atau langkah pemantauan yang boleh mengurangkan beban yang ditanggung rakyat seperti berikut:-

1. **Penguatkuasaan Undang- Undang melalui:**

   i) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan dengan mempergiatkan lagi pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh seperti melaksanakan **OPS HARGA**;

   ii) Mengambil tindakan di bawah **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga yang munasabah;

   iii) Mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga ke atas barang yang dipamerkan untuk jualan atau mempamerkan senarai harga di bawah **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993**; dan

iv) Melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP).

2. Program Pemantauan Harga

Kementerian akan terus menjalankan pemantauan harga secara harian, mingguan dan bulanan di premis-premis perniagaan untuk mengesan kenaikan harga di pasaran.

3. Mengadakan Program Pendidikan Kepenggunaan.

Mengadakan program-program pendidikan kepenggunaan untuk meningkatkan tahap kesedaran pengguna agar mereka menjadi pengguna yang bijak, mengetahui hak-hak mereka sebagai pengguna serta menjalankan tanggungjawab dan peranan mereka.

4. Mengadakan Sesi Konsultasi bersama Industri.

Mengadakan **sesi perundingan dengan industri-industri terlibat supaya tidak menaikkan harga produk keluaran atau barangan jualan** mereka secara drastik. Disamping itu, Kementerian turut, mengadakan perbincangan dengan NGO Kepenggunaan bagi mendapatkan input-input yang boleh membantu Kerajaan dalam menangani kenaikan harga barang.

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [LEMBAH PANTAI]

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

YB Puan Nurul Izzah Binti Anwar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) apakah langkah susulan kerajaan bagi memastikan kesemua pesakit dapat menikmati perkhidmatan perubatan yang berterusan susulan penggantungan Oratis Services Sdn. Bhd akibat bebanan hutang ke atas Pusat Perubatan Universiti Malaya; dan

(b) nyatakan juga sekiranya terdapat tunggakan hutang kepada syarikat tersebut.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah melantik Syarikat Oratis Services Sdn Bhd bagi menjadi perantara kepada Kerajaan untuk Pesara Awam Persekutuan mendapatkan bekalan ubat serta peralatan perubatan yang tidak dapat dibekalkan atau disediakan oleh hospital atau klinik Kerajaan. Syarikat ini membiayai ubat dan peralatan perubatan yang dibekalkan kepada Pesara Awam Persekutuan melalui penyampaian sistem *Electronic Medical Automation Supply System* (eMASS) mulai 15 Februari 2012 dan syarikat kemudiannya membuat tuntutan bayaran balik kos yang dibiayai syarikat kepada Kerajaan mengikut terma yang telah dipersetujui.

Walaupun perkhidmatan bekalan ubat dan peralatan dari farmasi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dihentikan, Pesara Awam Persekutuan masih lagi menerima pembiayaan ubat dan peralatan perubatan yang dibekalkan melalui Agensi Pembekal lain iaitu farmasi atau agensi pembekalan perubatan di Malaysia yang berdaftar dengan Syarikat Oratis Services Sdn. Bhd., ataupun yang dibekalkan secara terus oleh pihak syarikat.

Buat masa ini, tiada tunggakan hutang antara JPA dengan pihak syarikat atau pihak syarikat dengan PPUM.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
[GUA MUSANG]

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6606

SOALAN:

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah mangsa sindiket penipuan melalui internet yang telah membuat aduan kepada pihak polis dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi membanteras kegiatan tersebut yang dikatakan kebanyakannya didalangi oleh pendatang asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar dan peka kepada *trend* jenayah masa kini terutamanya peningkatan kes-kes jenayah siber. Fenomena ini bukan hanya berlaku di negara ini sahaja tetapi seluruh dunia memandangkan penggunaan media elektronik telah menjadi budaya masyarakat kini. PDRM telah mengambil langkah proaktif bagi membendung gejala ini dan memastikan rakyat tidak menjadi mangsa penipuan jenayah siber ini.

Antara langkah yang diambil untuk menangani jenayah ini termasuk yang menggunakan nombor palsu Bukit Aman dan juga agensi lain seperti Bank Negara, Bank-bank dan jabatan kerajaan yang lain iaitu:-

i) **Menjalankan siasatan dan membuat tangkapan terhadap sindiket yang telah dikenalpasti dan menuduh mereka di mahkamah jika mempunyai cukup bukti.**

ii) **Bekerjasama dengan penguatkuasa luar negara terutama dengan polis Taiwan dan China dalam soal maklumat risikan memandangkan *CALL CENTER* sindiket Macau Scam dipercayai beroperasi di negara berkenaan.**

iii) **Hebahan kepada rakyat melalui media massa, media cetak, TV dan radio serta media sosial PDRM (Laman Web, Facebook dan**

Twitter) untuk tujuan peringatan serta kempen kesedaran kepada rakyat bahawa jika mereka menerima panggilan hendaklah menghubungi pihak polis untuk memaklumkan kejadian atau membuat pengesahan maklumat yang diterima.

iv) Memberi nasihat dan hebahan kepada rakyat bahawa tidak pernah pihak bank atau agensi jabatan kerajaan meminta wang untuk dipindahkan ke akaun individu bagi tujuan keselamatan daripada mangsa yang terlibat.

Pihak yang menjadi mangsa perlulah memberikan maklumat kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan dan masyarakat disarankan jangan cepat mempercayai dan terpedaya dengan sebarang dakwaan, tawaran, pujukan, pemberian hadiah dan rayuan yang diberikan oleh pihak yang tidak dikenali tetapi perlulah merujuk kepada pihak yang berkenaan terlebih dahulu untuk pengesahan panggilan yang diterima.

Jumlah mangsa sindiket penipuan melalui Internet yang telah membuat aduan kepada pihak polis adalah seperti berikut:-

TAHUN	KES	KERUGIAN (RM)
2009	971	6,697,766.21
2010	2258	23,361,566.44
2011	3627	43,334,942.03
2012	2897	52,424,323.96
2013	3051	42,212,321.85

SOALAN (32)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

SOALAN :-

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah pesuruhjaya bangunan di seluruh negara dan langkah Kementerian untuk mengupayakan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk menangani masalah pengurusan hakmilik berstrata.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bahagian/Unit Pesuruhjaya Bangunan hanya terdapat di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mempunyai bangunan berstrata. Pada masa kini, terdapat sejumlah 71 Pejabat Pesuruhjaya Bangunan (COB) di seluruh Negara.

Daripada 71 buah PBT tersebut, sejumlah 68 PBT mendapat bantuan emolumen daripada Kerajaan Persekutuan sejurus selepas penguatkuasaan Akta 663 pada 12 April 2007. Manakala 3 lagi Bahagian Pesuruhjaya telah ditubuhkan lebih awal seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Putrajaya ataupun PBT baru iaitu Pasir Gudang.

Bermula pada tahun 2008, Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menempatkan sejumlah 187 orang pegawai dan kakitangan di seluruh Negara dengan bantuan perbelanjaan emolumen RM5.3juta setiap tahun bagi membantu PBT.

Tanggungjawab bagi pengukuhan struktur perjawatan di PBT adalah terletak di bawah PBT tersebut. Oleh yang demkian, PBT berkenaan perlu mengemukakan kertas cadangan ke Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tujuan kelulusan perjawatan baru. Sebagai contoh, saya difahamkan Majlis Perbandaran Subang Jaya telah diluluskan penambahan kakitangan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan daripada 6 orang sehingga berjumlah 20 orang serta menaikkan taraf jawatan Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan. Di peringkat kementerian pula, pihak Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sejumlah 7 jawatan tambahan yang keseluruhannya berjumlah 22 orang di Cawangan Pengurusan Strata, Sektor Kesejahteraan Bandar, dan 44 orang di Tribunal Pengurusan Strata di KPKT pada November 2013 bagi tujuan pengukuhan struktur dan pemerkasaan urusan berkaitan pengurusan strata seluruh Negara.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB Dato' Haji Irmohizam Bin Haji Ibrahim [KUALA SELANGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah Kerajaan dalam usaha untuk menyusun semula masyarakat untuk mencapai keseimbangan ekonomi yang lebih mantap terutamanya dalam melindungi golongan yang mudah terjejas akibat fenomena kenaikan kos hidup.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencapai keseimbangan ekonomi serta melindungi golongan yang mudah terjejas akibat sebab-sebab tertentu. Sehubungan itu, Kerajaan telah memperluaskan lagi pendekatan pembangunan secara inklusif bagi memastikan peluang penyertaan dalam ekonomi yang lebih saksama. Ini akan membolehkan semua rakyat Malaysia terlibat dalam aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup mereka. Langkah penyusunan semula masyarakat dilaksanakan dalam jangka panjang serta jangka sederhana dan pendek. Antara langkah-langkah yang diambil termasuk:

1. Dalam jangka panjang penyusunan masyarakat dilaksanakan melalui pendidikan. Melalui pendidikan mereka dari golongan berpendapatan rendah dapat merubah taraf hidup dan meningkatkan mobiliti sosial. Di samping itu, program pembangunan usahawan turut dilaksanakan, khususnya bagi perniagaan berskala besar dan sederhana. Sebagai contoh program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS), Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB), Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dan Program Dana Ekuiti Nasional (EKUINAS) dari segi pemilikan ekuiti.

2. Dalam jangka sederhana dan pendek pelbagai program disediakan, antaranya:

   i. program peningkatan kebolehan dan keupayaan (*capacity and capability enhancement*) bertujuan meningkatkan kelayakan dan kemahiran kumpulan sasar bagi meningkatkan keupayaan bersaing untuk mendapat pekerjaan bergaji lebih tinggi. Dalam tempoh 2011 hingga 2013, sebanyak RM88 juta telah diperuntukkan yang memanfaatkan seramai 8,194 orang peserta. Daripada jumlah ini, seramai 2,430 peserta telah menamatkan latihan, 5,700 masih menjalani latihan manakala 64 orang tidak menamatkan latihan atas sebab-sebab tertentu. Daripada 2,430 peserta yang tamat latihan, seramai 1,688 orang telah berjaya mendapat pekerjaan, 306 masih mencari pekerjaan dan 436 orang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi;

   ii. program bidang perniagaan dan keusahawanan. Ini dilaksanakan dengan memperluaskan akses dan peluang mendapat bantuan pembiayaan kredit mikro, khidmat nasihat dan latihan keusahawan serta pembinaan gerai niaga dan program sokongan perniagaan mikro serta perniagaan kecil dan sederhana. Program ini disediakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya. Sehingga bulan Disember 2013, AIM telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM1.7 bilion yang memanfaatkan 346,245 Sahabat AIM manakala MARA telah mengeluarkan sebanyak RM26 juta bagi membantu 25,831 peminjam. TEKUN pula telah mengeluarkan sebanyak RM1,208 juta

bagi membantu 128,416 peminjam sepanjang tahun 2011 sehingga tahun 2013; dan

iii. bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan ibu tunggal. Sehingga bulan November 2013, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan sebanyak RM455.4 juta bagi membantu golongan warga emas manakala sebanyak RM208.2 juta telah disalurkan bagi membantu golongan OKU.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Di samping langkah-langkah tersebut, Kerajaan juga melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus untuk membantu golongan mudah terjejas akibat fenomena kenaikan kos. Ini termasuk:

i. pemberian Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M). Melalui BR1M 2.0, Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM2.9 bilion bagi membantu seramai 6.8 juta penerima manakala BR1M 3.0 masih di peringkat pelaksanaan. Sehingga kini, jumlah penerima yang lulus adalah seramai 6.5 juta yang melibatkan peruntukan sebanyak RM3.4 bilion.

ii. memperluaskan produk 1Malaysia seperti:

- Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M): menyediakan barangan keperluan dengan harga yang lebih rendah;

- Klinik Rakyat 1Malaysia: menyediakan perkhidmatan kesihatan dengan kos yang berpatutan; dan

- Menu Rakyat 1Malaysia: menyediakan menu sarapan pagi dan makan tengah hari pada harga paling minimum tetapi berkualiti dan berkhasiat;

iii. pemberian subsidi elektrik bagi menampung bil bulanan yang tidak melebihi RM20 sebulan; dan

iv. penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan peraturan serta kawalan harga barang dapat dilaksanakan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN 34

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : **8 APRIL 2014**

SOALAN :

Dr. Micheal Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pemantauan oleh pihak nasional terhadap caranya Jabatan Agama Negeri sedang mengendalikan permohonan membetulkan taraf keagamaan individu yang mengadu pencatatan agama Islam di sijil kelahiran atau kad pengenalan mereka tidak benar.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli yang Berhormat sedia maklum, berkaitan dengan kesilapan status agama mana-mana rakyat Malaysia yang mana direkodkan sebagai seorang Islam di dalam kad pengenalan atau sijil

lahir, pihak tersebut boleh terus mengemukakan permohonan di Mahkamah Tinggi Syariah di negeri mereka tinggal untuk menukar status agama kepada agama sebenar yang dianutinya.

Dalam hal ini, pihak agensi agama khususnya Mahkamah Syariah tidak dapat mengetahui kesilapan tersebut melainkan individu yang berkenaan sahaja tampil untuk memperbetulkan status sebenar agamanya.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan : 35
PR-1321-L59711

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014**
SOALAN	:	**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kementerian di dalam menentukan tahap keselamatan rakyat Malaysia di Iran memandangkan telah keluar kenyataan daripada ulama berpengaruh di sana yang menyelar tindakan Kerajaan terhadap pengikut ajaran Syiah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keselamatan rakyat Malaysia yang berada di luar negeri termasuklah di Iran sentiasa diberikan keutamaan oleh Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri sedia maklum bahawa isu penyebaran fahaman Syiah di Malaysia telah mendapat perhatian pihak-pihak tertentu di Iran. Memandangkan sensitiviti isu tersebut (Syiah) yang boleh menggugat hubungan baik sedia ada antara Malaysia dan Iran, Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa ia perlu ditangani secara berhemah bagi menggelakkan sebarang implikasi negatif.

3. Oleh itu, Kementerian Luar Negeri dan Kedutaan Besar Malaysia di Tehran, Iran sentiasa memantau perkembangan dan reaksi pihak tertentu di Iran terhadap isu ini dengan kerjasama rapat daripada Kerajaan Iran di Tehran dan Kedutaan Besar Iran di Malaysia. Kementerian Luar Negeri juga telah mengeluarkan kenyataan menggesa pihak terbabit di Malaysia untuk tidak mengaitkan isu ini dengan mana-mana negara. Alhamdulillah, setakat ini rakyat Malaysia yang berada di Iran dilaporkan berada dalam keadaan selamat.

4. Kementerian melalui Kedutaan Besar Malaysia di Tehran, Iran sentiasa bersedia untuk memberikan bantuan yang sewajarnya, khususnya bantuan konsular kepada rakyat Malaysia yang berada di Iran sebagai pelajar, pekerja, pelancong atau bermastautin. Kementerian dan Kedutaan Besar Malaysia di Tehran juga memberikan nasihat perjalanan dari semasa ke semasa kepada rakyat Malaysia yang ingin mengadakan lawatan ke Iran.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik kes-kes individu atau mana-mana pihak yang telah disiasat dan/atau dihadapkan ke mahkamah lanjutan/ekoran daripada kes-kes yang dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susulan Laporan Ketua Audit Negara 2012 – LKAN 2012 (Siri 1 dan Siri 2) pada 21 November 2013, Surat Tunjuk Sebab telah dikeluarkan kepada 30 pegawai dan 9 bekas pegawai (pesara). Tujuan pengeluaran surat berkenaan ialah bagi mendapatkan penjelasan dari pegawai mengenai ketidakaturan yang dibangkitkan dalam LKAN 2012.

Bagi 30 orang pegawai yang telah diberikan Surat Tunjuk Sebab, status tindakan terkini adalah seperti berikut:

(a) 19 pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib;
(b) 2 pegawai telah disyorkan diambil tindakan tatatertib;
(c) 6 pegawai sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
(d) 3 pegawai tidak diambil tindakan tatatertib kerana tidak wujud asas yang kukuh bahawa pegawai berkenaan telah melakukan salah laku atau kecuaian.

Manakala 9 bekas pegawai awam (pesara) telah memberikan penjelasan dan tiada tindakan lanjut diambil ke atas mereka. Ini adalah kerana tiada asas yang kukuh bahawa pegawai telah melakukan salah laku dan kecuaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 seperti mana yang dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013 dan 2 Disember 2013, terdapat sebanyak 378 teguran telah dibuat dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 yang melibatkan 111 (29%) teguran bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan, 38 (10%) teguran bagi Badan Berkanun dan 229 (61%) teguran bagi negeri.

Sebanyak 267 (71%) teguran audit melibatkan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dan tindakan penambahbaikan ini telah dan sedang diambil oleh agensi terlibat. Manakala 111 (29%) teguran melibatkan 121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaian pelaksanaan tugas.

Sebanyak 17 kertas siasatan berkaitan LKAN 2012 telah dirujuk oleh pihak SPRM kepada Jabatan Peguam Negara. Status kertas-kertas siasatan adalah seperti berikut:

(a) 9 kertas siasatan telah disyor untuk ditutup kerana tiada keterangan yang mencukupi bagi membolehkan pertuduhan jenayah di bawah mana-mana undang-undang dikenakan terhadap mana-mana pegawai / individu yang dinamakan di dalam kertas siasatan tersebut. Daripada 9 kertas siasatan tersebut, 5 kes dicadangkan untuk tindakan tatatertib;

(b) 7 kertas siasatan lagi telah dikembalikan oleh Jabatan Peguam Negara kepada pihak SPRM untuk siasatan lanjut; dan

(c) Bagi satu (1) kertas siasatan, pendakwaan telah dibuat di Mahkamah Sesyen Kota Bharu terhadap seorang pesara kerajaan di bawah Seksyen 468 Kanun Keseksaan. Individu tersebut telah dituduh dengan 52 pertuduhan pemalsuan dokumen dengan tujuan untuk menipu.

Sekian. Terima Kasih.

NO. SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT]**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014**
SOALAN	:	

YB. Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi membangunkan potensi pelancongan di Empangan Bakun dan Murum di Sarawak.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan mempunyai Pelan Ekopelancongan Kebangsaan sejak tahun 1996 sebagai panduan untuk membantu Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam pembangunan mampan eko-pelancongan di Malaysia termasuk bagi Negeri Sarawak. Pelan ini mengandungi 21 pelan tindakan serta 25 garis panduan bagi pembangunan di kawasan eko-pelancongan.

Susulan daripada Pelan Eko-pelancongan Kebangsaan ini, satu Kajian Komprehensif Pembangunan Eko-pelancongan sedang dijalankan untuk merancang produk eko-pelancongan Malaysia yang lebih mampan. Salah satu kawasan eko-pelancongan yang telah dikenalpasti ialah kawasan Bakun. Oleh itu pembangunan pelancongan di empangan Bakun akan mengikut penemuan dan syor kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah tahap kenaikan sumber campuran penjanaan tenaga kepada arang batu, kosnya, tapaknya kini dan akan datang, kesannya kepada alam sekitar, status tender di antara 1MDB dan YTL serta di manakah 2 buah pengeluar tenaga nuklear akan ditempatkan dan kosnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa kini peratusan campuran penjanaan berasaskan arang batu menjangkau sehingga 43% pada akhir 2013. Penggunaan arang batu oleh loji yang sedia ada adalah hampir 20 juta tan setahun dan jumlah ini dijangka akan meningkat kepada 40 juta tan setahun pada tahun 2019 apabila loji-loji janakuasa berasaskan arang batu akan beroperasi sepenuhnya bagi memenuhi peningkatan dalam kadar permintaan tenaga di Semenanjung.

2. Bagi tahun 2013, kapasiti terpasang loji-loji janakuasa arang batu di Semenanjung Malaysia berjumlah 7,200 MW, terdiri daripada loji-loji berikut:

i. TNB Janamanjung Sdn Bhd (2100 MW);

ii. Tanjung Bin Power Sdn Bhd (2100 MW);

iii. Kapar Energy Ventures Sdn Bhd (1600 MW); dan

iv. Jimah Energy Ventures Sdn Bhd (1400 MW).

3. Kapasiti penjanaan melalui arang batu ini akan bertambah sebanyak 5,010 MW sehingga tahun 2019 dengan pembangunan projek-projek penjanaan seperti berikut:

i. Manjung 4 x 1010 MW) pada tahun 2015;
ii. Tanjung Bin 4 (1 x 1000 MW) pada tahun 2016;
iii. Manjung 5 x 1000 MW) pada tahun 2017;
iv. Bidaan 3B, 1 x 1000MW pada tahun 2018; dan
v. Bidaan 3B, 1 x 1000MW pada tahun 2019.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi bidaan Projek 3B, berasaskan penilaian pematuhan kepada syarat-syarat tawaran pihak Suruhanjaya Tenaga telah menawarkan pihak 1MDB-Mitsui sebagai *Preferred Bidder* bagi melaksanakan projek loji janakuasa berasaskan arang batu dengan kapasiti 2 x 1000MW di Mukim Jimah, Negeri Sembilan, dengan kadar tarif 25.33 sen/kWj. Projek ini akan memulakan operasi komersial secara berperingkat pada 1 Oktober 2018 dan 1 April 2019, masing-masing.

5. Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai penggunaan nuklear sebagai salah satu daripada bahanapi bagi penjanaan tenaga elektrik. Aktiviti yang sedang dilaksanakan pada

masa ini adalah tertumpu kepada kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan kesediaan negara, sekiranya sesuatu projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Sehubungan itu, sekiranya penjanaan kuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif.

****

Soalan No : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu]**

TARIKH : **8.4.2014**

SOALAN :

Y.B. Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) apakah menjadi dasar Kementerian untuk menyerap semua graduan pendidikan ke jawatan tetap dalam sistem pendidikan negara; dan

(b) berapakah jumlah graduan pendidikan yang masih belum mendapat jawatan tetap setakat Disember 2013 dan apakah mekanisme Kementerian untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pada masa ini, pelantikan dan penempatan graduan pendidikan dilaksanakan berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan semasa Kementerian.

(b) Bagi graduan unjuran KPM keluaran tahun 2013 yang berjumlah 15,049, sejumlah 10,275 telah diperakukan untuk lantikan dan ditempatkan secara berperingkat mulai Januari hingga 1 April 2014. Walau bagaimanapun, terdapat 74 graduan yang tidak ditawarkan penempatan kerana gagal temu duga dan tidak diperakui lantikan tetap oleh SPP.

Berdasarkan *trend* persaraan guru bagi tahun 2014 hingga 2017, adalah dijangka akan berlaku lebihan graduan pendidikan setiap tahun kerana jumlah graduan adalah melebihi jumlah jawatan yang dikosongkan oleh guru yang bersara. Oleh yang demikian, KPM telah memutuskan untuk mengambil pendekatan seperti berikut:

i. memilih graduan yang terbaik berdasarkan merit, keperluan opsyen dan prestasi semasa temu duga untuk dilantik mengisi kekosongan jawatan yang terhad;

ii. meletakkan graduan yang tidak berjaya dilantik sebagai calon simpanan untuk tempoh satu (1) tahun dan akan dilantik secara berperingkat apabila terdapat kekosongan jawatan; dan

iii. mempertimbangkan pelepasan kontrak bagi graduan tajaan yang tidak berjaya ditawarkan pelantikan.

Walau bagaimanapun, lebihan graduan yang berlaku adalah untuk tempoh sementara dan dijangka akan selesai pada tahun 2018 apabila bekalan graduan dan kekosongan jawatan berada kepada kedudukan yang seimbang.

Rjm

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT]**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014**
RUJUKAN	:	**6609**

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah caranya kerajaan dapat mengatasi masalah rakyat warga asing yang gagal dihantar pulang ke negara asal disebabkan keengganan kerajaan warga negara asing tersebut yang tidak mahu menerima mereka pulang kerana tidak mempunyai dokumen diri yang sah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah berjaya mengusir seramai 231,949 orang PATI bermula tahun 2008 sehingga 2013. Mengikut laporan Operasi Bersepadu Fasa 2 bagi tempoh 21 Januari 2014 hingga 18 Mac 2014, jumlah PATI yang ditahan di semua depot dan lokap adalah seramai 15,287 orang.

Kerajaan telah dan sedang mengambil segala usaha untuk mengusir tahanan tersebut ke negara asal masing-masing dalam kadar segera antaranya termasuk mengadakan kerjasama dengan pihak kedutaan dan perwakilan negara PATI yang berkenaan bagi mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan PATI tersebut. Selain itu, Kerajaan juga mengambil inisiatif menghubungi ahli keluarga PATI untuk mendapatkan kerjasama dalam urusan penghantaran pulang termasuk meminta pihak mereka menanggung tambang perjalanan balik.

SOALAN NO: 41

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014 (SELASA)**
SOALAN	:	**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya** meminta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah tanah jerlus di sawah padi di daerah Seberang Perai.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mengatasi masalah tanah jerlus di daerah Seberang Perai ini, satu Jawatankuasa Penyelarasan Tanah Jerlus telah ditubuhkan di mana peranan jawatankuasa tersebut adalah untuk mengenalpasti kawasan yang mengalami tanah jerlus di semua daerah, mengambil langkah dan tindakan penambahbaikan bagi penyelesaian masalah tanah jerlus ini serta memohon peruntukan pembangunan infrastruktur bagi tujuan memulihkan kawasan yang mengalami tanah jerlus.

Sehingga kini, langkah-langkah yang telah diambil adalah dengan melakukan pemuliharaan tanah di kawasan tersebut. Antara aktiviti yang dilakukan bagi pemuliharaan tanah sawah ini ialah dengan membuat kerja-kerja merata tanah sawah dengan cara memindahkan tanah dari kawasan yang tinggi ke kawasan yang rendah di dalan lot berkenaan, dan juga membina parit tepi (jejari) dan juga parit tengah di petak sawah ke parit buang. Sementara itu, bagi kawasan-kawasan yang serius serta tidak dapat diatasi dengan pemuliharaan tanah, Kerajaan telah menyarankan agar kawasan tersebut ditangguhkan penanaman padi selama satu musim bagi membolehkan kerja-kerja membentuk *hardpan* dapat dilakukan. Ia perlu dilakukan agar kawasan tersebut dapat bertahan dengan lebih lama dan aktiviti pengeluaran padi dapat berjalan seperti biasa.

NO. SOALAN: 42

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]**
TARIKH	:	**08.04.2014 [SELASA]**

TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah CMO yang diiktiraf oleh kementerian untuk mengutip royalti dan apakah tarif baru yang akan dikenakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Mulai 01 Jun 2012, Kerajaan telah menguatkuasakan satu peruntukan undang – undang baharu yang mewajibkan mana – mana badan kutipan royalti (CMO) yang ingin menjalankan kutipan royalti perlu berdaftar di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).

Tujuannya adalah untuk memastikan badan kutipan royalti atau Badan Pelesenan yang diisytiharkan oleh Kerajaan akan melaksanakan tanggungjawab serta tadbir urus yang telus dan mempunyai akauntabiliti terhadap ahli – ahli.

Sehingga kini, terdapat empat (4) Badan Pelesenan yang telah diisytiharkan oleh Pengawal Hak Cipta yang berkaitan industri muzik. Empat Badan Pelesenan tersebut adalah:

i) **Music Authors' Copyright Protection (MACP) Berhad**
[Diisytihar pada 28/9/2012 – Mewakili komposer, penulis lirik]

ii) **Public Performance Malaysia (PPM) Sdn Bhd**
[Diisytihar pada 5/3/2013 – Mewakili syarikat rakaman]

iii) **Recording Performers Malaysia (RPM) Berhad**
[Diisytihar pada 6/3/2013 – Mewakili pelaku rakaman, penyanyi]

iv) **Performers Rights & Interest Society of Malaysia (PRISM) Berhad**
[Diisytihar pada 1/7/2013 – Mewakili pelaku rakaman, penyanyi]

Badan Pelesenan ini hendaklah mengemukakan Laporan Tahunan kepada Pengawal Hak Cipta yang akan membuat semakan terhadap

status ketelusan mereka. Sekiranya, Pengawal Hak Cipta berpuas hati bahawa mana – mana Badan Pelesenan tidak melaksanakan tanggungjawab mereka seperti yang dikehendaki oleh undang – undang, maka pengisytiharan Badan Pelesenan berkenaan boleh dibatalkan oleh Pengawal Hak Cipta.

Mana – mana organisasi yang menjalankan kutipan royalti tanpa diisytiharkan sebagai Badan Pelesenan yang sah di sisi undang – undang oleh Pengawal Hak Cipta adalah menjadi satu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500, 000.00.

Berkaitan dengan soalan tarif yang ditanya oleh Yang Berhormat, pihak Kerajaan ingin memaklumkan tarif ini ditentukan melalui skim pelesenan yang ditawarkan oleh Badan Pelesenan kepada pengguna komersial bagi penggunaan sesuatu karya tersebut. Skim pelesenan tidak di kawal oleh pihak Kerajaan tetapi diputuskan melalui persetujuan di antara Badan Pelesenan dan pengguna komersial tersebut.

Sekiranya pengguna komersial tidak berpuas hati terhadap kadar fi yang ditetapkan oleh Badan Pelesenan melalui skim pelesenan tersebut, pengguna komersial boleh merujuk kepada Tribunal Hak Cipta untuk tujuan semakan dan ketetapan fi yang bersesuaian. Untuk makluman Yang Berhormat Renggam juga, sehingga kini tiada satu rujukan kes yang dikemukakan kepada Tribunal Hak Cipta.

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci kegunaan peruntukan khas YAB Perdana Menteri 2013 untuk kawasan Parlimen Kulai.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM1.30 juta** bagi melaksanakan **110 program/projek** bagi tahun 2013 di bawah Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri. Ringkasan projek mengikut kategori dan kos bagi tahun 2013 adalah seperti berikut:

BIL	KATEGORI	TAHUN 2013	
		BIL	KOS (RM)
1.	**Projek Fizikal** (Naiktaraf surau, naiktaraf jalan, baikpulih longkang, naiktaraf pagar sekolah dan naiktaraf bangunan)	6	121,000.00
2.	**Bantuan Sumbangan**	10	538,000.00
3.	**Pembekalan** (kelengkapan surau, peralatan sukan dan siaraya)	94	641,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		**110**	**1,300,000.00**

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DR. ONG KIAN MING [SERDANG]**
TARIKH	**:**	**SELASA, 8 APRIL 2014**
RUJUKAN	**:**	**L13 [PR-1321-L59880]**
SOALAN	**:**	

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan anggaran jumlah sisa pepejal yang akan dihasilkan di Kuala Lumpur pada setiap hari pada tahun 2020 mengikut Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang terkini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, semasa ini, berdasarkan purata tahun 2013, jumlah sisa pepejal yang dihasilkan di Kuala Lumpur adalah **2,550 tan/hari.**

Berdasarkan kepada unjuran Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dianggarkan sejumlah 3,200 tan/hari sisa pepejal akan dijana di Kuala Lumpur pada tahun 2020 iaitu peningkatan pada kadar 3.0 – 3.5% tahunan.

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU]**
TARIKH	**:**	**SELASA, 8 APRIL 2014**
RUJUKAN	**:**	**L12 [PR-1321-L59699]**
SOALAN	**:**	

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan berapakah jumlah bantahan yang dikemukakan kepada pihak DBKL mengenai kadar kenaikan taksiran cukai pintu dan apakah langkah yang diambil kepada bantahan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, jumlah bantahan yang diterima oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah sejumlah 166,724 daripada 507,800 Notis Semakan Semula Senarai Nilaian yang telah dikeluarkan bersamaan 32.83%.

Pihak DBKL telah memulakan sesi pendengaran bantahan bermula 6 Januari 2014 dan berakhir sehingga 31 Mac 2014.

Pada masa ini, pihak DBKL mengadakan 8 sesi pendengaran bantahan setiap hari selama 4 hari atau 32 sesi seminggu.

Sehingga 26 Februari 2014, sebanyak 160,374 pembantah telah dipanggil menghadiri sesi pendengaran bantahan cukai pintu dan pembantah yang hadir hanya 25,594 (16%) sahaja.

NO. SOALAN: 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6600

SOALAN:

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengkaji atau mengubah sistem perisian yang tidak mesra pengguna (*user-friendly*) oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia terutamanya untuk pendaftaran pertubuhan melalui dalam talian (*on-line application*) yang mengambil masa yang lama disebabkan sistem perisian yang tidak fleksibel.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak berhasrat untuk mengubah Sistem eROSES di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) memandangkan JPPM kini sedang dalam Fasa Kedua Penambahbaikan dan Peluasan Sistem eROSES. Selain itu, bagi meningkatkan kecekapan dan kemudahan serta penambahbaikan Sistem eROSES, sistem ini sentiasa dipantau dari semasa ke semasa oleh sebuah kumpulan yang dilantik khas dalam Fasa Kedua yang sedang dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KDN dan JPPM turut mengamalkan sikap keterbukaan dalam menerima kritikan dan aduan yang bertujuan menambahbaik sistem tersebut. Dalam hal ini, KDN dan JPPM amat mengalu-alukan maklum balas dan pandangan membina bagi memastikan penggunaan Sistem eROSES dapat memuaskan hati semua pihak.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6609

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah caranya kerajaan dapat mengatasi masalah rakyat warga asing yang gagal dihantar pulang ke negara asal disebabkan keengganan kerajaan warga negara asing tersebut yang tidak mahu menerima mereka pulang kerana tidak mempunyai dokumen diri yang sah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah berjaya mengusir seramai 231,949 orang PATI bermula tahun 2008 sehingga 2013. Mengikut laporan Operasi Bersepadu Fasa 2 bagi tempoh 21 Januari 2014 hingga 18 Mac 2014, jumlah PATI yang ditahan di semua depot dan lokap adalah seramai 15,287 orang.

Kerajaan telah dan sedang mengambil segala usaha untuk mengusir tahanan tersebut ke negara asal masing-masing dalam kadar segera antaranya termasuk mengadakan kerjasama dengan pihak kedutaan dan perwakilan negara PATI yang berkenaan bagi mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan PATI tersebut. Selain itu, Kerajaan juga mengambil inisiatif menghubungi ahli keluarga PATI untuk mendapatkan kerjasama dalam urusan penghantaran pulang termasuk meminta pihak mereka menanggung tambang perjalanan balik.

Soalan No : 47

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Datuk Madius Tangau [Tuaran]**

TARIKH : **8.4.2014**

SOALAN :

Y.B. Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan oleh kerana Kolej Komuniti di Tuaran sudah diluluskan, bilakah kolej tersebut akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Waran Perjawatan Kolej Komuniti telah diluluskan sebanyak 14 jawatan untuk tahun 2014. Walau bagaimanapun proses sewaan bangunan masih dalam tindakan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK) dengan pemilik bangunan. Bangunan yang dicadangkan masih **belum mendapat Sijil Layak Menduduki (CF)**. Bagi pihak Jabatan, tindakan proaktif seterusnya ialah mendapatkan bangunan alternatif yang bersesuaian untuk disewa di kawasan Tuaran, Sabah.

Rjm

SOALAN NO. : 48

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 08 APRIL 2014

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :

(a) adakah Kementerian mempunyai perancangan dan cadangan untuk melaksanakan projek menaik taraf sistem perparitan ekoran kejadian bencana alam seperti banjir kilat yang telah melanda seluruh negara termasuk kawasan Bintulu baru-baru ini; dan

(b) berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan dalam melaksanakan projek seperti mendalamkan dasar sungai yang semakin cetek di seluruh negara termasuk kawasan Bintulu seperti Sungai Kemena, Sungai Sebiew, Sungai Sebatang, Kuala Suai dan lain-lain serta projek pembersihan tebing sungai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(a) Bagi kawasan Bintulu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah memperuntukan sebanyak RM 2 juta dalam RMKe-10 untuk menaik taraf saliran kepada Lembaga Pembangunan Bintulu (BDA) di bawah peruntukan RTB Pelbagai Bahagian Negeri Sarawak.

(b) Sebanyak RM 79 juta telah diperuntukkan di bawah Belanjawan 2014 bagi kerja-kerja mengorek dan mendalamkan sungai. Walaubagaimana pun kelulusan peruntukan tersebut tidak meliputi projek mendalamkan dasar sungai di kawasan Bintulu.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada dia berhasrat untuk mengurangkan saiz Kabinet sebagai langkah penjimatan Kerajaan. Jika tidak , mengapa.

JAWAPAN: **YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan rombakan terhadap barisan kepimpinan Jemaah Menteri pada ketika ini kerana Kerajaan merasakan pasukan yang sedia ada pada masa kini adalah sesuai dan berkelayakan dalam memacu Malaysia menuju negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sekian.Terima kasih.

NO. SOALAN: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6602

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengurangkan karenah birokrasi dalam permohonan visa dan permit masuk bagi isteri (warga luar negara) kepada warganegara terutamanya isteri dari Negara China yang hanya boleh berurusan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia di Putrajaya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap warganegara asing yang ingin memohon kebenaran masuk ke Malaysia perlulah membuat permohonan visa tertakluk kepada kelayakan mengikut negara yang berkaitan iaitu kebenaran memasuki Malaysia bagi tempoh 14 (empat belas) hari hingga 3 (tiga) bulan. Bagi membolehkan mereka tinggal lebih lama dan secara teratur, mereka perlu membuat permohonan Pas Lawatan Sosial (PLS) mengikut syarat-syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Permohonan PLS bagi isteri atau suami asing kepada warganegara Malaysia tersebut boleh dibuat di mana-mana pejabat Imigresen Negeri yang berdekatan kecuali bagi mereka yang berasal dari negara China dan Nigeria, dimana permohonan oleh mereka hanya boleh dibuat di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, mereka (iaitu isteri atau suami kepada warganegara Malaysia yang berasal dari negara China dan Nigeria) perlu hadir sendiri untuk mengemukakan permohonan di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya (JIM) bagi membendung penyalahgunaan kemudahan Imigresen yang diberikan. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Imigresen Malaysia, secara puratanya 7 (tujuh) daripada 10 (sepuluh) permohonan yang diterima adalah terdiri daripada kes perkahwinan yang diklasifikasikan sebagai *'marriage of convenience'* iaitu perkahwinan yang diragui selain terdapat penyalahgunaan kemudahan PLS yang telah diberikan untuk menjalankan aktiviti-

aktiviti tidak bermoral dan aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan. Ada di antara mereka yang mengambil kesempatan ke atas kemudahan tersebut untuk kepentingan peribadi atau terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam aspek keharmonian sosial dan keselamatan negara.

Walau bagaimanapun, permohonan Permit Masuk oleh pemohon-pemohon yang berasal dari Negara China dan Nigeria boleh dikemukakan di mana-mana cawangan Jabatan Imigresen Negeri yang berdekatan dan tertakluk kepada kriteria dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kesemua prosedur ini telahpun diteliti dan terbukti penting bagi menjamin kestabilan dan keselamatan Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN : 51

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bolehkah pihak Kementerian memastikan satu sistem yang lebih kemas diadakan untuk penjualan tiket penumpang bot-bot laju dari Menumbok, Sabah ke Labuan. Ini kerana, keadaan di Menumbok, Sabah tidak seperti di Labuan yang mempunyai sistem yang baik yang telah banyak membangkitkan kemarahan kepada pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pengurusan Terminal Feri Menumbok, Sabah adalah dikawal selia oleh Jabatan Pelabuhan dan Dermaga (JPDS), Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah. Pihak JPDS telah menyediakan ruangan khas kepada pengusaha-pengusaha bot-bot laju untuk penjualan tiket yang mana sebelum ini penjualan tiket adalah di luar kawasan terminal yang jauh daripada pengawasan JPDS.

Mengikut JPDS, penjualan tiket penumpang bot-bot laju pada masa ini adalah dilakukan sendiri oleh operator secara manual. Bagi menambah baik sistem penjualan tiket khususnya bagi bot-bot laju, pihak JPDS merancang mewujudkan sistem penjualan tiket secara berkomputer seperti mana yang telah digunakan di Terminal Feri Wilayah Persekutuan Labuan.

SOALAN NO : 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**
		[INDERA MAHKOTA]
TARIKH	:	**8 APRIL 2014**
SOALAN	:	

YB Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian ada perancangan untuk mendirikan banyak lagi pengkhususan hospital-hospital pakar seperti IJN yang merupakan hospital *"patient-friendly"*. Bilakah akan didirikan hospital pakar khusus bagi penyakit-penyakit seperti penyakit buah pinggang, penyakit paru-paru, barah dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan hospital "*Patient-Friendly*", dengan menyediakan pelbagai kemudahan termasuk inisiatif Hospital Rakan Bayi, Hospital Mesra Ibadah, hospital mesra kepada pesakit-pesakit berkeperluan khas seperti orang kelainan upaya (OKU), warga emas, ibu hamil dan bayi.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah pun mempunyai Hospital Rehabilitasi Cheras, empat (4) buah Hospital Psikiatri (Hospital Bahagia, Hospital Permai, Hospital Sentosa dan Hospital Bukit Padang), Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Likas, Institut Kanser Negara Putrajaya dan Pusat Darah Negara. Hospital Kuala Lumpur (HKL) juga mempunyai beberapa institut perubatan seperti Institut Urologi-Nefrologi, Institut Neurologi, Institut Radioterapi dan Onkologi serta Institut Perubatan Respiratori. Institut Jantung Negara pula adalah diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan.

KKM belum ada perancangan untuk membina hospital pakar khusus bagi penyakit-penyakit seperti penyakit buah pinggang, hati dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit buah pinggang, hati dan lain-lain masih boleh menerima rawatan di hospital-hospital berpakar berdekatan yang menyediakan pakar perubatan terlatih dalam bidang berkaitan.

NO. SOALAN: 53

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA , PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN:

Dato' Seri. Abdul Hadi bin Awang (Marang} minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada apa-apa ketetapan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tehadap pelaksanaan GST oleh Kerajaan pada tahun 2015 nanti.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tidak ada sebarang fatwa mengenai GST kerana tidak ada keperluan pandangan hukum mengenainya.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH [KUALA TERENGGANU]**
TARIKH	**:**	**8 APRIL 2014**
SOALAN	**:**	

YB Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah peraturan atau *"procedure" (standard operating procedure)* serta tindakan di Hospital Besar Kerajaan Negeri apabila pesakit yang mempunyai rekod masalah jantung mengadu sakit dada dan sesak nafas dibawa ke bilik kecemasan hospital besar negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Kecemasan dan Trauma di seluruh hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengamalkan sistem saringan "triage" bagi setiap pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan.

Bagi pesakit yang mempunyai rekod masalah jantung dan mengadu sakit dada dan sesak nafas dan disyaki mendapat serangan jantung akan dikategorikan sebagai kategori kritikal (merah), di mana pemeriksaan khusus seperti ECG akan dilakukan dan rawatan

sewajarnya berdasarkan penemuan ECG akan diberikan dengan segera. Setelah disahkan mengalami serangan jantung, rawatan *thrombolytic therapy* seperti intravena Streptokinase (sekiranya tiada kontraindikasi) akan diberikan di Jabatan Kecemasan dan Trauma sebelum pesakit dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi Koronari. KKM telah menetapkan sasaran, di mana pesakit yang disahkan mengalami serangan jantung (ST-elevation Myocardial Infarction) hendaklah diberi rawatan *thrombolytic therapy* tidak kurang dari 30 minit selepas presentasi di Jabatan Kecemasan dan Trauma selaras dengan rekomendasi rawatan di luar negara, di mana *thrombolytic therapy* diindikasikan dalam masa 12 jam selepas presentasi.

Pada tahun 2011 dan 2012 sebanyak 87.11% dan 91.89% pesakit serangan jantung diberikan rawatan *thrombolytic therapy* di Jabatan Kecemasan dan Trauma dan prestasi pencapaian adalah meningkat setiap tahun semenjak tahun 2009, di mana peningkatan adalah sebanyak 0.22 hingga 8.8%.

SOALAN NO: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**
		[BUKIT GANTANG]
TARIKH	:	**8 APRIL 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana Kementerian Kesihatan membuat kajian mengenai penggunaan *polystrin* untuk membungkus makanan adakah selamat atau tidak dari sudut kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedar dan peka mengenai isu penggunaan bekas makanan daripada *polistirena (polystyrene).* Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan turut menjalankan pemantauan ke atas penggunaan bahan *polistirena (polystyrene)* untuk membungkus makanan.

Berdasarkan kepada maklumat saintifik yang telah dinilai, didapati tiada bukti yang menyatakan ia tidak selamat atau memudaratkan kesihatan. Di samping itu, KKM juga memantau tindakan yang dijalankan oleh

agensi di peringkat antarabangsa dan negara-negara maju dan mereka juga mendapati bahawa tiada bukti yang menunjukkan ia boleh menjejaskan kesihatan manusia. **Sehingga kini tiada negara yang menghentikan penggunaan bekas makanan *polistirena* di atas sebab keselamatan makanan.**

Walau bagaimanapun, KKM akan sentiasa menilai hasil pemantauan tahap keselamatan bahan pembungkus makanan daripada *polistirena (polystyrene)* secara berterusan. KKM tidak akan teragak-agak untuk menghentikan penggunaan bahan pembungkus makanan ini sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan ia boleh menjejaskan kesihatan pengguna.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR

KAWASAN : BATU GAJAH

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

NO. SOALAN : 56

SOALAN:

YB. TUAN V. SIVAKUMAR minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Skim Keutamaan Tarif Samarata telah meningkatkan perdagangan di Malaysia. Adakah skim ini membawa manfaat kepada Malaysia jika dibandingkan dengan negara ASEAN yang lain di bawah AFTA.

JAWAPAN:

Tuan yang Di Pertua,

1. Ketua-ketua Negara ASEAN secara sebulat suara telah bersetuju untuk menubuhkan AFTA pada tahun 1992 dengan berlandaskan kepada tiga objektif utama. Pertama, mewujudkan sebuah pasaran tunggal integrasi bagi rantau ASEAN, kedua, meningkatkan daya-saing ASEAN sebagai pusat pengeluaran global dan ketiga meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

2. Berdasarkan kepada tiga objektif utama tersebut, maka ASEAN telah mengambil langkah permulaan dengan mengurangkan dan memansuhkan duti import secara berperingkat mulai 1 Januari 1993 melalui Skim Keutamaan Tarif Samarata atau dengan izin, *Common Effective Preferential Tariff* (CEPT). Pendekatan pengurangan dan pemansuhan duti secara berperingkat ini dilaksanakan bagi membolehkan industri-industri tempatan membuat pengubahsuaian supaya dapat berdaya saing apabila duti import diliberalisasikan sepenuhnya.

3. Mulai 1 Januari 2010, Skim CEPT dengan rasminya telah digantikan dengan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN atau *ASEAN Trade in Goods Agreement* (ATIGA). ASEAN 6 (Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand) telah memansuhkan 99.20 peratus duti import di bawah AFTA. Negara Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam pula telah memansuhkan duti import sebanyak 72.57 peratus daripada keseluruhan baris tarif sehingga 31 Disember 2013. Negara-negara ini akan memansuhkan duti import keatas semua produk pada 1 Januari 2015. Fleksibiliti pengecualian diberi ke atas 7 peratus baris tariff untuk diliberalisasikan sehingga tahun 2018.

4. Impak AFTA adalah amat positif bagi Malaysia. Melalui AFTA, ia telah membuka peluang kepada syarikat-syarikat Malaysia termasuk enterpris kecil dan sederhana untuk menembusi pasaran ASEAN dengan lebih selesa melalui pengurangan dan pemansuhan duti import. ASEAN merupakan rakan dagang utama Malaysia. Mengimbas kepada angka perdagangan pada tahun 1992, iaitu satu tahun sebelum perlaksanaan AFTA dan Skim CEPT, perdagangan negara dengan

negara ASEAN hanya pada kadar RM52.04 bilion. Kesan positif daripada perlaksanaan Skim CEPT di bawah AFTA telah dirasai secara langsung pada tahun 1993 di mana Malaysia telah mencatatkan peningkatan perdagangan sebanyak 11 peratus kepada RM57.93 bilion. Daripada jumlah tersebut, jumlah eksport negara adalah pada kadar RM34.39 bilion. Walaupun ASEAN tidak terkecuali dari mengalami krisis dan kemurungan ekonomi yang agak teruk, rantau ASEAN sedikit sebanyak dapat menangani masalah tersebut kerana pada puratanya, perdagangan intra-ASEAN adalah pada kadar 25-27 peratus setahun.

5. Peralihan daripada Skim CEPT kepada Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) pada tahun 2010 telah menggambarkan bahawa integrasi ekonomi ASEAN semakin diperkukuh dan diperdalamkan. Pada tahun 2010, Malaysia telah mencatatkan RM305.93 bilion jumlah dagangan dengan ASEAN. Prestasi baik ini juga telah berjaya dikekalkan di mana negara telah berjaya melonjakkan jumlah dagangan kepada RM374.71 bilion pada tahun 2013. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Negara-negara ASEAN mewakili 27.4 peratus daripada jumlah dagangan global bagi tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 4.6 peratus daripada tahun 2012. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN berjumlah RM201.8 billion, peningkatan sebanyak 7.2 peratus daripada tahun 2012, manakala import adalah sebanyak RM172.9 bilion, peningkatan sebanyak 1.7 peratus berbanding tahun 2012.

NO. SOALAN : 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**
[GERIK]

TARIKH : **8 APRIL 2014**

SOALAN :

YB. Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan bahawa dalam buku Sejarah Hulu Perak tahun 50an telah menulis bahawa Laksamana Hang Tuah telah lari dari Melaka ke hulu sungai Perak. Kawasannya di Royal Belum. Terdapat cerita-cerita lama mengatakan ada gua pertapaan Hang Tuah, batu yang ada tapak kaki Hang Tuah serta orang gagah Hulu Perak iaitu Tun Saban membawa keturunan Sultan Melaka dari Palembang menjadi Raja di Perak hingga kini. Apakah usaha-usaha Kementerian bagi menyiasat dan mengesahkan dakwaan tersebut.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif bagi memartabatkan sastera sejarah Hang Tuah sebagai Adiwira Melayu yang menegakkan ketuanan Melayu ketika kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 4 buah koleksi manuskrip asal Hikayat Hang Tuah dan MSS 1713 telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO *Memory of the World Programme.* Transliterasi dan kajian bandingan bagi manuskrip Hikayat Hang Tuah telah dilaksanakan oleh YBhg Prof. Dato' Dr. Siti Hawa Haji Salleh dan telah diterbitkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2012. Manakala Arkib Negara Malaysia ada menyimpan manuskrip yang bertajuk "*Original Manuscript of the Adventure of Hang Tuah written by Mubin Sheppard in Klang and Finished in Ireland 1948/49*" dengan nombor penerimaan 2007/0049900.

Kementerian ini sentiasa menggalakkan kajian berkenaan Hang Tuah dan Tun Saban oleh sejarawan negara dan antaranya adalah seperti berikut:

(i) Prof. Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya menyatakan bahawa dalam tradisi lisan ada menyatakan bahawa Hang Tuah lari ke Hulu Sungai Perak, namun catatan tersebut tidak ditemui di dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu. Namun terdapat kajian yang

lain menyatakan terdapatnya makam Hang Tuah di sekitar Melaka; dan

(ii) Prof. Madya Dr. Talib Samad dari Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, UPSI menyatakan Tun Saban bukan anak kepada Tun Perak. Tun Saban dikatakan salah seorang Pembesar Melaka yang telah membawa anak Sultan Mahmud (Sultan Melaka) menjadi Raja Perak yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Syah. Makam Tun Saban terletak di Sekolah Menengah Agama Lamin, Gerik Perak. Tun Saban dan Hang Tuah tidak mempunyai pertalian keluarga atau sebarang hubungan antara murid dan guru. Dalam Hikayat Hang Tuah terdapat catatan yang menyatakan bahawa Hang Tuah telah lari ke Hulu Perak (Tasik Banding) seterusnya bercampur dengan orang Sakai. Kajian lengkap mengenai Tun Saban sedang dilaksanakan oleh Dr. Talib Samat dan akan diterbitkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN MAS ERMIEYATI SAMSUDIN**
KAWASAN	:	**MASJID TANAH**
TARIKH	:	**8.4.2014 (SELASA)**
NO. SOALAN	:	**58**

Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI SAMSUDIN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah perlaksanaan NAP 2014 ini dapat membantu meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara seterusnya melonjakkan nilai sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), memandangkan industri automatif telah menyumbang kepada KDNK pada purata 3% hingga 4% setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Industri automotif merupakan industri yang penting bagi Malaysia dengan sumbangan sebanyak 3.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2012. Adalah diunjurkan pada tahun 2020, sumbangan industri automotif tempatan kepada KDNK meningkat kepada 10 peratus di mana pengeluaran kenderaan dijangka meningkat kepada 1.35 juta unit. Dari segi guna tenaga pula, industri automotif dijangka mewujudkan sebanyak 150,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

Bagi memastikan pembangunan industri automotif tempatan yang mampan, Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 menggariskan pelbagai langkah untuk memastikan industri automotif negara lebih berdaya saing di dalam dan di luar negara.

SOALAN NO. 59

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]**
TARIKH	:	**8 APRIL 2014 (SELASA)**
SOALAN	:	**Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan keluaran sayur-sayuran yang dieksport keluar negara. Singapura pernah menyekat keluaran sayur dari Cameron Highland dari memasuki Singapura kerana penggunaan racun berlebihan. Adakah pihak Kerajaan juga mengawal kemasukan sayur-sayuran dari negara jiran ke Malaysia untuk menjamin keselamatan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak mengenakan sekatan ke atas pengimportan sayur-sayuran daripada mana-mana negara jiran. Pengimportan sayur-sayuran juga tidak dikenakan permit import (*Import Permit*, IP) dari Jabatan Pertanian Malaysia buat masa ini. Walau bagaimanapun, bermula 1 Mei 2010, pengimportan 12 jenis bahan/ produk pertanian terpilih dari Negara Thailand telah dikenakan permit import dan sijil fitosanitasi. Bahan/ produk pertanian terpilih tersebut ialah:

i. Ubi keledek *(Ipomea batatas)*
ii. Ubi keladi *(Colocasia esculenta)*
iii. Ubi kentang *(Solanum tuberosum)*

iv. Ubi kemili/ kembili *(Coleus parviplorus)*
v. Ubi sengkuang *(Pachyrhizus erosus)*
vi. Kacang tanah *(Arachis hypogeae)*
vii. Serai *(Cymbopogon citratus)*
viii. Cili padi *(Capsicum frutescens)*
ix. Kunyit *(Curcuma domestica)*
x. Halia *(Zingiber officinale)*
xi. Lengkuas *(Alpinia galangal)*
xii. Daun limau purut *(Citrus hystrix)*

Mengikut Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan Kuarantin 1981, pengimportan semua jenis tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal tertakluk kepada pemeriksaan di pintu masuk oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Sekiranya hasil pemeriksaan oleh pihak MAQIS mendapati terdapat perosak dibawa bersama komoditi yang diimport, tindakan kuarantin akan dikenakan ke atas produk tersebut seperti dilarang masuk, dirawat atau dihantar pulang. Kawalan paras sisa baki racun perosak dalam sayur akan dipantau oleh Kementerian Kesihatan dan sekatan juga dibuat apabila melebihi tahap yang dibenarkan.

NO. SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN]

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana penyelidikan yang telah dijalankan oleh Kementerian bagi cadangan pembangunan sumber nuklear di negara ini pada masa hadapan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Pada masa ini, Kerajaan masih sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Kajian yang sedang dilaksanakan ini adalah berdasarkan kepada Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP). EPP11 ini mencadangkan dua (2) buah loji janakuasa nuklear dengan keupayaan 1,000 Megawatt (MW) setiap satu.

Sehingga kini, kajian menyeluruh mengenai kesediaan infrastruktur perundangan dan kawalseliaan nuklear negara telah disiapkan pada Disember 2013, dan hasil kajian sedang diteliti oleh Kerajaan.

Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP)), sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014, kecuali kajian penilaian tapak loji janakuasa nuklear yang ditangguhkan sehingga tinjauan pendapat umum mengenai tenaga nuklear dilaksanakan.

Program penyebaran maklumat mengenai penjanaan kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan, dengan izin, *stakeholders*, termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif mengenainya dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun 2014.

Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan suatu entiti tujuan khas (*Special Purpose Vehicle* (SPV)) bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear pula sedang diteliti secara amnya.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (61)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 8 APRIL 2014 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS
[SEPANGGAR]

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) apakah perancangan Kementerian dalam membantu pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dalam aspek pembangunan keceriaan bandar termasuk membina landskap dan parit dalam kawasan Parlimen Sepanggar; dan

(b) berapakah peruntukan yang diluluskan dan senarai projek yang telah diluluskan bagi tahun 2013 dan 2014 oleh Kementerian di kawasan Sepanggar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengenal pasti beberapa projek yang akan dilaksanakan berasaskan cadangan yang diterima daripada DBKK. Projek-projek tersebut merangkumi membina dan menaik taraf longkang, parit dan kemudahan awam. Walau bagaimanapun, Kementerian belum dapat menyediakan peruntukan landskap bagi kawasan Parlimen Sepanggar. Namun begitu, pihak Jabatan Landskap Negara akan mempertimbangkan peruntukan pembangunan pada masa akan datang.

(b) Bagi tahun 2013, Kementerian telah meluluskan peruntukan sejumlah RM4,963,020.00 bagi membolehkan DBKK melaksanakan 28 projek pembangunan tersebut.

Untuk tahun 2014, peruntukan yang diluluskan kepada DBKK adalah berjumlah RM1,573,700.00 untuk melaksanakan 3 projek pembangunan berdasarkan senarai keutamaan yang telah dikemukakan oleh DBKK kepada Kementerian.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2014

NO SOALAN :62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**08.04.2014**

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua yang berhak menerima BR1M 3.0 akan menerima bayaran dan mereka yang tidak layak tidak akan mendapatkan bayaran tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada

dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi peningkatkan nilai bantuan, pertambahan kategori dan juga pengenalan Insurans Takaful Berkelompok Rakyat 1Malaysia (i-BR1M). Kriteria bagi program BR1M 2014 telah ditambah baik adalah seperti berikut:

1) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**.

2) sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**.

3) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 **kepada** penerima **isi rumah** BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh**.

i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014; dan

ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isi rumah sahaja;

4) **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas)

menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.

5) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300**.

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat tiga peringkat pelaksanaan BR1M iaitu peringkat pertama, pengedaran borang BR1M dan pendaftaran, peringkat kedua, proses semakan dan verifikasi serta peringkat ketiga, pengagihan BR1M. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula pada 23 Disember 2013 hingga 31 Januari 2014. Penerima BR1M sedia ada tidak perlu membuat pendaftaran baru tetapi hanya perlu mengemaskini maklumat peribadi sekiranya terdapat sebarang perubahan. Pendaftaran dan pengemaskinian boleh dibuat secara atas talian melalui laman web Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta boleh dibuat secara manual iaitu dengan mengisi borang di pejabat LHDN, pejabat daerah dan pejabat pembangunan negeri. Semua rakyat Malaysia layak untuk memohon bantuan BR1M

walaupun mereka juga adalah penerima bantuan sedia ada seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), e-Kasih dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Proses semakan dan verifikasi permohonan dilakukan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bermula 1 Februari 2014. Proses verifikasi dilaksanakan secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, LHDNM, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kesemua proses verifikasi ini dilakukan bagi memastikan mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M 2014.

Pengagihan bantuan BR1M 2014 terbahagi kepada dua kaedah iaitu penyaluran terus ke akaun bank bagi yang mengemukakan maklumat bank manakala bagi yang tidak mengemukakan maklumat akaun bank, pengagihan dibuat secara serahan baucar di majlis penyampaian BR1M. Bagi yang mengemukakan maklumat bank, penyaluran terus ke akaun bank telah dibuat mulai 21 Februari 2014 dan selesai pada 25 Februari 2014. Pengagihan secara baucar pula bermula pada 23 Februari dan dibuat secara berperingkat.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2012, penerima BR1M 2012 adalah seramai 4.2 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion, manakala penerima BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Bagi tahun 2014, BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 7.9 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 bilion. Sehingga 3 Mac 2014, sebanyak 8.1 juta permohonan telah diterima di mana sebanyak 6 juta permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM3 bilion manakala baki 2.1 juta permohonan masih sedang diproses. Daripada jumlah yang diluluskan, seramai 3.8 juta adalah penerima isi rumah manakala baki 2.2 juta adalah penerima individu bujang.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5.4 bilion untuk keseluruhan bantuan tunai merangkumi BR1M, Bantuan Persekolahan dan Baucar Buku 1Malaysia bagi tahun 2014. Manakala hasil daripada pengurangan subsidi bahan api sebanyak RM0.20 pada bulan Sept 2013 dan pengurangan subsidi gula sebanyak RM0.34 pada bulan Oktober 2013, Kerajaan dapat

penjimatan sebanyak RM4.9 bilion pada tahun 2014. Kerajaan berupaya menyalurkan bantuan tunai melebihi anggaran penjimatan subsidi bahan api dan gula hasil daripada pengurusan kewangan yang baik dan dapat memastikan defisit fiskal terus berkurang.

Untuk makluman juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain. Disamping itu, terdapat penerima yang menggunakan bantuan tersebut sebagai modal bagi menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi pembelian perkakasan seperti peralatan memasak, membuat kuih dan pertukangan yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Malah, mereka yang telah menerima bantuan kebajikan sedia ada juga di beri bantuan BR1M. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan

mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

NO. SOALAN: ~~64~~ 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN]

TARIKH : 8 APRIL 2014

RUJUKAN : 6610

SOALAN:

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan ke atas satu laporan polis bernombor DAMANSARA/019853/13 mengenai berita palsu di beberapa laman blog seperti (The Unspinners), (The Flying Kick), (Bidaman) dan (Badut rakyat) yang boleh mengancam keselamatan awam. Apakah tindakan undang-undang yang telah diambil ke atas mereka yang menyebarkan berita palsu ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan polis berkait Damansara Repot 19853/13 telah dibuat oleh pengadu Mohd Rafizi b. Ramli mengenai berita palsu yang dimuatkan dalam beberapa laman blog yang boleh mengancam keselamatan awam. Laporan tersebut telah dirujuk ke Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk tindakan selanjutnya.

NO. SOALAN: ~~65~~ 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]

TARIKH : 08.04.2014 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) adakah SPRM menyiasat mana-mana pemimpin UMNO yang disabitkan bersalah oleh Badan Disiplin UMNO terlibat dengan politik wang; dan

(b) jika tidak ada, adakah politik wang tidak termasuk dalam definisi rasuah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

a) SPRM akan menyiasat mana-mana pemimpin UMNO atau pemimipin dari parti-parti politik yang lain sekiranya terlibat dalam kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Namun sekiranya mereka melakukan kesalahan yang melanggar Kod Etika Parti, maka tindakan akan diambil oleh Badan Disiplin parti berkenaan.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada definasi politik wang secara khusus dalam Akta SPRM 2009. Politik wang adalah termasuk dalam takrifan suapan di bawah seksyen 3 Akta SPRM 2009

Sekian, terima kasih

Soalan No : ~~66~~ 65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]**

TARIKH : **8.4.2014**

SOALAN :

Y.B. Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan kementerian dalam menyalurkan bantuan kewangan kepada Persatuan Ibu bapa & Guru di setiap sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap peranan yang dimainkan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), dalam memastikan kemajuan serta pembangunan murid dan sekolah dapat dilaksanakan seiring dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak Kerajaan. Ini selaras dengan tujuan dan hala tuju Penubuhan PIBG seperti yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) 1998. Di bawah Peraturan 5 (1) telah dinyatakan dengan jelas akan peranan PIBG di sekolah-sekolah. Antaranya ialah;

i. mengadakan sesuatu forum serta perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam sekolah dalam meningkatkan imej sekolah;

ii. membantu dan menambah usaha sekolah dalam memenuhi kehendak dan keperluan kebendaan murid-murid dalam kegiatan mereka;

iii. membolehkan ibu bapa dan guru dalam sekolah bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pendidikan;

iv. memberi peluang kepada ibu bapa dan guru berunding antara satu sama lain berkenaan cara memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka pada amnya; dan

v. membolehkan ibu bapa dan guru berusaha menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal sekolah bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

KPM mengharapkan ibu bapa atau penjaga murid memberikan sokongan kepada PIBG dalam apa-apa juga aktiviti yang dirancang termasuklah dalam usaha mendapatkan dana untuk membantu sekolah. Hal ini kerana ibu bapa atau penjaga dapat memberikan idea-idea bernas terhadap pembangunan pendidikan anak-anak di sekolah terlibat. Di samping itu juga sedikit sebanyak dapat membantu melancarkan setiap aktiviti yang dirancang oleh PIBG demi memberikan manfaat kepada semua khususnya kepada murid-murid.

Rjm

SOALAN NO: 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN LIM GUAN ENG

TARIKH: 8 APRIL 2014

SOALAN:

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kementerian bersedia mengambil alih semua urusan pengambilan pekerja asing melalui Agensi Kerajaan atau Kerajaan dengan Kerajaan (G2G) dan bukan malalui khidmat ejen bagi memastikan rekod dan data lengkap jumlah pekerja asing sah atau tidak sah di negara ini dapat di pantau dengan lebih berkesan.

PR-1321-L59417

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mekanisme Kerajaan dengan Kerajaan (G to G) telah bermula dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) Malaysia-Bangladesh pada tahun 2012. Mekanisme ini tidak melibatkan pihak ketiga, agen, syarikat membekal dan mengurus atau majikan secara langsung, dan dimulakan untuk sektor perladangan sawit. Mekanisme ini adalah amat berkesan dan juga dapat menjamin

pekerja yang dibawa masuk tidak dieksploitasi oleh mana-mana pihak.

2. Cadangan untuk mengambil alih keseluruhan proses pengambilan pekerja asing harus diperinci dan diteliti terlebih dahulu kerana perkara ini melibatkan kerjasama dari agensi-agensi kawal selia yang lain dan negara-negara sumber yang berkaitan.

SOALAN NO.: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI]

TARIKH : 8 APRIL 2014

SOALAN :

Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan harga komoditi getah menjunam hingga ke paras terendah iaitu sekitar RM2.50 sekilogram (sekerap), apakah ada perancangan Kementerian untuk menetapkan harga lantai atau cara lain yang difikirkan sesuai agar pihak pekebun getah boleh mendapat pendapatan yang stabil bagi menampung kehidupan keluarga mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, getah seperti komoditi lain tertakluk kepada turun-naik harga yang tidak menentu dan bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa. Selain itu, harga getah juga ada hubung kait dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama.

Namun begitu, Kerajaan sentiasa memainkan peranan aktif sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dalam memastikan daya saing industri getah, di samping memberikan pendapatan yang stabil kepada pengusaha tanaman getah terutamanya pekebun kecil.

Berhubung dengan isu harga lantai untuk getah, pihak Kementerian telah mengadakan satu Makmal (*Lab*) pada 13 dan 14 Mac 2014. Antara isu pokok yang dibincangkan dalam *Lab* ini adalah untuk mencari mekanisma *Social Safety Net* yang sesuai sebagai satu pendekatan untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah apabila harga jatuh di bawah paras kos pengeluaran. Cadangan-cadangan *Lab* ini sedang dalam pertimbangan Kerajaan dan sama ada kita akan melaksanakan harga lantai atau tidak adalah bergantung kepada hasil rumusan *Lab* ini.

Selain itu, Kerajaan juga sedang mengkaji opsyen-opsyen yang sesuai, termasuk menggalakkan aktiviti-aktiviti sampingan bagi menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil getah. Langkah ini akan

dapat menangani kesan negatif daripada penurunan harga dan pendapatan.

Di peringkat antarabangsa, Kerajaan mengambil beberapa langkah bagi menstabilkan harga getah. Antara tindakan yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan mewujudkan kerjasama di kalangan tiga buah negara pengeluar utama getah iaitu, Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC merupakan forum bagi membincangkan penstabilan pengeluaran getah untuk memberi impak kepada pengukuhan harga getah melalui langkah-langkah berikut:

i. Pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) untuk mengawal eksport melalui penetapan kuota. Mekanisme ini telahpun dilaksanakan mulai 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013. Pada tempoh itu, ketiga-tiga negara tersebut secara kolektif telah menghadkan pengeksportan 300,000 tan getah asli; dan

ii. Melaksanakan *Supply Management Scheme* (SMS) sebagai satu langkah jangka masa panjang untuk mengimbangi permintaan dan penawaran dunia bagi memastikan satu paras harga yang menguntungkan. Di bawah *SMS* ini, ketiga-tiga negara ITRC tersebut akan dapat mengawal bekalan getah asli dunia menerusi program tanam semula dan tanaman baharu getah secara terancang.

Sekian, terima kasih.